PANDUAN PENGAJIAN

PROGRAM DIPLOMA
KOLEJ TEKNOLOGI DARULNAIM

Terbitan:
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Kolej Teknologi Darulnaim
Jalan Padang Golf
16100 Pengkalan Chepa
Kelantan Darulnaim.

Terbitan: Mei 2015

No Tel : 09-7747200
No Fax : 09-7745044

KANDUNGAN **MUKASURAT**

PANDUAN PENGAJIAN DIPLOMA

LATARBELAKANG	1
MATLAMAT PENUBUHAN KTD	1
KAMPUS	2
KEMUDAHAN	2
TENAGA PENGAJAR	3
YURAN PENGAJIAN / PEMBIAYAAN	3
KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN	3
SYARAT-SYARAT KEMASUKAN	4
PEMBAHAGIAN KURSUS	5
KURSUS WAJIB MQA	6
KURSUS WAJIB KOLEJ	8
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA MULTIMEDIA	12
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA MULTIMEDIA	14
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA SAINS KOMPUTER	18
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA SAINS KOMPUTER	20
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI	27
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI	29
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	36
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	38
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PERAKAUNAN	44
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA PERAKAUNAN	46
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH	52
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH	54
KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA SYARIAH	60
RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA SYARIAH	62

KATA-KATA ALUAN DARIPADA KETUA EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi di atas kejayaan menerbitkan Buku Panduan Pengajian dan Peraturan Akademik Diploma KTD. Dengan adanya buku ini diharapkan akan dapat membantu para pelajar, khususnya pelajar baru KTD dalam pengajian Diploma KTD, dalam mengharungi arus pembelajaran semasa.

Di samping itu juga, pelajar-pelajar diharapkan akan dapat memanfaatkan buku panduan ini dengan sebaiknya bagi mendapatkan gambaran yang lengkap dan jelas mengenai program yang terdapat di KTD ini termasuk struktur kurikulum program dan ringkasan silibus bagi setiap kursus yang ditawarkan.

Akhir kata, saya bagi pihak pensyarah-pensyarah dan juga staf KTD berharap agar pelajar-pelajar berusaha bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan yang cemerlang dengan menjadikan pengajian di peringkat diploma ini sebagai wadah dalam pencapaian akademik ke peringkat yang lebih tinggi.

Selamat Maju Jaya!
Mohd Noor Bin Hussin

PANDUAN PENGAJIAN

DIPLOMA MULTIMEDIA

DIPLOMA SAINS KOMPUTER

DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI

DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

DIPLOMA PERAKAUNAN

DIPLOMA PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH

DIPLOMA SYARIAH

KOLEJ TEKNOLOGI DARULNAIM

1. LATARBELAKANG

Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) telah ditubuhkan pada awal 1997 oleh Permodalan Kelantan Berhad (PKB), sebuah Syarikat Holding Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Bagaimanapun, mulai Mac 2004, KTD telah diurus sepenuhnya oleh Syarikat Akar Ikhlas Sdn. Bhd.

KTD telah dilantik sebagai Pusat Francais kepada Program Pengajian Diploma UTM dan memulakan sesi ulung pengajian program ini pada semester Jun, 1997/1998 sehingga sekarang. KTD telah berjaya mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) pada tarikh 23 Disember 2003 untuk mengendalikan kursus Pengajian Diploma KTD.

2. MATLAMAT PENUBUHAN KTD

Matlamat penubuhan KTD dapat diringkaskan seperti berikut:

FALSAFAH

"….Allah mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan di kalangan kamu dengan beberapa darjat".

Surah al-Mujadalah (58:11)

Pendidikan bersepadu adalah proses berterusan yang berteraskan tauhid bagi menghasilkan insan kamil yang dilengkapi dengan kepakaran dan kemahiran terkini, mampu menangani cabaran, memberi sumbangan serta membina ummah yang cemerlang

VISI

Menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang unggul, berdaya saing dan bertaraf dunia yang berlandaskan pengabdian kepada Pencipta.

MISI

KTD komited menyediakan peluang pendidikan tinggi bersepadu dan terancang melalui perkhidmatan warga kerja berkualiti bagi melahirkan individu yang berilmu, berketerampilan dan berakhlak untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dan professional negara

NILAI TERAS

Untuk mencapai visi dan misi, semua warga KTD berpegang dan berusaha menghayati nilai teras yang sama iaitu:-

1. Keimanan dan ketaqwaan sebagai tunjang.
2. Akauntabili dan integrity dalam menjalankan tugas.
3. Sentiasa pro-aktif, kreatif dan inovatif dalam menangani cabaran dan peluang.
4. Kebersamaan, kemesraan dan kesanggupan berkorban dalam mewujudkan persekitaran yang harmonis.
5. Keperihatinan dan keutamaan kepada pelanggan.

MOTTO

Profesional, Berketerampilan dan Beretika

3. KAMPUS

KTD kini mempunyai kampus sendiri di Lot 2151, Jalan Padang Golf, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan yang lengkap dengan Blok Pentadbiran, Bilik Pensyarah, Dewan Kuliah, Bilik Kuliah, Makmal, Perpustakaan, Kafetaria, Surau dan Dewan Besar. Kampus ini boleh menampung seramai 2000 pelajar. KTD dari semasa ke semasa membuat perancangan dan pengubahsuaian untuk menjadikan kampus ini lebih lengkap dan efektif untuk proses pengaliran ilmu.

4. KEMUDAHAN

4.1 Asrama

KTD kini telah mempunyai asrama sendiri di Jalan Tanjung Chat, Pengkalan Chepa Kelantan. Asrama-asrama ini mampu menampung seramai 400 penghuni dan disediakan dengan kemudahan Bilik Tamu, Surau, Bilik Bacaan, Bilik Siaran dan tempat beriadah.

4.2 Akademik

Dewan Kuliah, Bilik Kuliah dan Perpustakaan berhawa dingin disediakan. Di samping itu tersedia juga Makmal Komputer dan Makmal Multimedia yang sesuai untuk proses pembelajaran dan kegunaan pelajar.

4.3 Kafetaria

Sebuah kafetaria dengan harga yang munasabah disediakan kepada pelajar.

4.4 Surau

Sebuah surau yang selesa disediakan bagi pelajar melakukan solat secara berjemaah dan melakukan aktiviti-aktiviti kerohanian.

5. TENAGA PENGAJAR

Pensyarah sepenuh masa dan juga secara sambilan dalam pelbagai bidang kini bertugas di KTD dengan kadar 1:20 bagi menjamin keberkesanan pendidikan di KTD.

6. YURAN PENGAJIAN / PEMBIAYAAN

KTD mengenakan yuran pengajian yang munasabah kepada para pelajar. Kadar yang dikenakan adalah lebih rendah dibandingkan dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang lain. Sebahagian daripada pelajar adalah dibiayai keluarga sendiri dan sebahagian memerlukan pinjaman pelajaran.

Pelajar boleh memohon pinjaman dengan beberapa buah bank tempatan yang menawarkan pinjaman pendidikan bagi pemohon-pemohon yang layak meminjam. Selain itu, program di KTD juga mendapat pengiktirafan Kementerian Pengajian Tinggi dan pelajar layak mendapat pinjaman dari Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN).

7. KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN

KTD telah mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengendalikan kursus-kursus berikut dan juga telah mendapat Perakauan Akreditasi dari pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

i) Diploma Multimedia (A 9488)
ii) Diploma Sains Komputer (PA 3378)
iii) Diploma Kejuruteraan Elektronik Industri (PA 3859)
iv) Diploma Pengurusan Perniagaan (A 9487)
v) Diploma Perakaunan (PA 4613)
vi) Diploma Pengajian Al-Quran & As-Sunnah (PA 4598)
vii) Diploma Syariah (PA 4597)

8. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

8.1 Syarat Akademik

8.1.1 Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / GCE 'O' – Level atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya 3 kredit;

8.1.2 Lulus sijil Politeknik dengan mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 2.00;

8.1.3 Lulus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 atau Sijil Kolej Komuniti yang tempoh pengajian adalah dua tahun dengan jumlah minimum kredit bergraduat sebanyak 60 kredit tertakluk kepada:

a) Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 1 kredit;

b) Menyambung pengajian Diploma dalam bidang yang sama;

c) Sekiranya perlu, PPT perlu menyediakan program bridging sebagai program pengukuhan bagi pelajar yang beralih dari sektor kemahiran/teknikal kepada sektor akademik.

8.1.4 Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh kerajaan Malaysia.

8.2 Syarat–syarat lain

8.2.1 Calon hendaklah mengemukakan bukti bahawa beliau adalah cukup sihat untuk mengikuti pengajian.

8.2.2 Calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 16 tahun pada hari mereka memulakan pengajian di Kolej.

8.2.3 Calon hendaklah mengikuti syarat-syarat yang akan ditentukan oleh pihak Kolej dari masa ke semasa.

8.3 Pelajar antarabangsa yang diterima masuk perlu menduduki ujian penempatan Bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang gagal dalam ujian tersebut diwajibkan mengambil kursus pengukuhan Bahasa Inggeris 1 (Foundation English I ELS 0104) atau Bahasa Inggeris 2 (Foundation English II ELS 0203) mengikut pencapaian mereka dalam ujian.

8.4 Pelajar antarabangsa yang tidak boleh bertutur Bahasa Melayu diwajibkan mengambil pengukuhan Bahasa Melayu (Bahasa Melayu Pengukuhan BHM 0103).

8.5 Syarat tambahan

8.5.1 Program Diploma Pengurusan Perniagaan: Pelajar antarabangsa yang tidak mengambil kursus Matematik semasa peringkat sekolah menengah atau pelajar tempatan yang tidak kredit Matematik peringkat SPM diwajibkan mengambil kursus pengukuhan Matematik (Matematik Asas MTH 0203).

8.5.2 Program Diploma Pengajian Al-Quran & As-Sunnah dan Diploma Syariah: Pelajar yang tidak mengambil atau tidak lulus kursus Bahasa Arab semasa peringkat sekolah menengah diwajibkan mengambil kursus pengukuhan Bahasa Arab (Bahasa Arab Pengukuhan ARB 0102).

STRUKTUR DAN DEFINISI KURSUS

A. PEMBAHAGIAN KURSUS

Kursus bagi program ini dibahagikan kepada taraf berikut:-

i) Kursus Wajib MQA
ii) Kursus Wajib Kolej
iii) Kursus Asas Major
iv) Kursus Teras Major
v) Kursus Elektif
vi) Latihan Industri

B. DEFINISI MATAPELAJARAN

(a) Kursus Wajib MQA

Kursus Wajib MQA ialah kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar bagi memenuhi keperluan MQA.

(b) Kursus Wajib Kolej

Kursus Wajib Kolej ialah kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar bagi memenuhi keperluan Kolej.

(c) Kursus Asas Major

Kursus Asas Major ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar berdasarkan keperluan program masing-masing.

(d) Kursus Teras Major

Kursus Teras Major ialah kursus teras yang ditawarkan dan wajib diambil oleh pelajar sesuatu program berdasarkan keperluan program masing-masing.

(e) Kursus Elektif

Kursus Elektif merupakan kursus pilihan yang perlu diambil oleh pelajar.

(f) Latihan Industri

Latihan Industri ialah kursus yang wajib diambil oleh semua pelajar Diploma KTD.

KURSUS WAJIB MQA

MPU 1
MPU 2163
Pengajian Malaysia (untuk Warganegara Malaysia)

Mata pelajaran ini membincangkan tentang persejarahan Malaysia secara komprehensif dan interaktif dari zaman Prasejarah hingga kini. Perbincangan juga mencakupi aspek sistem dan struktur perlembagaan, rancangan pembangunan serta isu-isu semasa berkaitan hubungan dengan masyarakat dan pembangunan insan serta alam sekitar.

MPU 2143
Bahasa Melayu Komunikasi 2 (untuk bukan Warganegara)

Kursus ini menekankan supaya pelajar antarabangsa di Malaysia dapat menguasai kemahiran asas Bahasa Melayu, kecekapan untuk berkomunikasi bagi melahirkan pendapat dan perasaan samaada secara lisan ataupun penulisan. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang penggunaan tatabahasa asas digabungjalinkan dalam kemahiran berbahasa melalui pelbagai latihan dan kegiatan interaktif. Pada akhir pembelajaran, pelajar boleh berinteraksi menggunakan Bahasa Melayu mudah dan dapat membaca serta memahami ayat Bahasa Melayu mudah. Disamping itu, pelajar juga boleh menulis karangan pendek berkaitan kehidupan seharian.

ELEKTIF MPU 2 (KEMAHIRAN INSANIAH)

MPU 2212

Kemahiran Kerja Berpasukan

Kursus ini adalah pendedahan asas kepada kemahiran kerja berpasukan. Pelajar dilatih untuk mencari matlamat yang jelas dalam setiap aktiviti berpasukan. Pelajar dibimbing melalui penerangan teori dan praktikal kerja berpasukan. Praktik kerja berpasukan adalah dalam aktiviti dan hidup di dalam dan di luar organisasi. Pelajar mempraktikkan bahan yang diajarkan dalam kumpulan dan juga bersendirian. Pelajar dinilai secara individu dan berpasukan melalui pembentangan, penelitian dan perundingan.

MPU 2222

Kemahiran Kepimpinan

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep asas kepimpinan, teori dan jenis-jenis/gaya kepimpinan, tugas dan tanggungjawab pemimpin, komunikasi dalam kepimpinan, membina kemahiran kepimpinan dan kepimpinan Islam.

MPU 2232

Pengucapan Awam

Kursus ini menekankan mengenai kepentingan memiliki kemahiran pengucapan awam, teknik-teknik pengucapan awam secara berkesan serta membangunkan keyakinan diri dalam menyampaikan ucapan atau pandangan kepada pendengar semada kelompok yang kecil atau besar.

MPU 2242

Kemahiran Berfikir & Penyelesaian Masalah

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, jenis-jenis kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta cara-cara mengaplikasikan pemikiran kreatif dan kritis dalam pembelajaran dan kehidupan. Selain itu, kursus ini turut memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kaedah penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan, langkah-langkah dalam penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan, contoh-contoh aplikasi serta perbezaan antara keduanya.

MPU 3
MPU 2312
Islam Dan Pembentukan Masyarakat Malaysia
Kursus ini membincangkan tentang Islam dan konsep-konsep asas yang tertumpu kepada Islam sebagai cara hidup. Dalam bahagian Islam sebagai peradaban dan tamadun merangkumi tajuk-tajuk konsep peradaban dan tamadun, keunikan dan keistimewaan tamadun Islam, faktor kejayaan dan kemerosotan tamadun Islam, sumbangan tamadun Islam, dan seni dan keindahan Islam. Bahagian Institusi Islam merangkumi tajuk-tajuk kekeluargaan dan kemasyarakatan, pendidikan, pemerintahan dan pentadbiran, perundangan, dan ekonomi dan kewangan. Bahagian yang terakhir adalah mengenai Islam dan cabaran semasa di Malaysia.

ELEKTIF MPU 4 (KHIDMAT MASYARAKAT)
MPU 2412
Kepimpinan Kelab, Persatuan Dan Organisasi
Kursus ini direkabentuk untuk memberikan pelajar satu pengalaman untuk menjalankan program yang berkait dengan kursus yang diambil. Pelajar akan dipandu untuk mengenalpasti keperluan atau masalah, merancang, menyelaras sesuatu program sebelum, semasa dan selepas sesuatu program itu dijalankan.

MPU 2422
Pengurusan Acara
Kursus ini direkabentuk untuk memberikan pelajar satu pengalaman untuk menjalankan program yang berkait dengan kursus yang diambil. Pelajar akan dipandu untuk mengenalpasti keperluan atau masalah, merancang, menyelaras sesuatu program sebelum, semasa dan selepas sesuatu program itu dijalankan.

KURSUS WAJIB KOLEJ

PST 1011
Pesat 1
Kursus ini menekankan kepada 3 aspek utama iaitu latihan membaca Al-quran dengan hukum asas tajwid yang betul serta menghafaz surah Al-Fatihah, An-Nas, Al-Falaq, Al-Ikhlas; pelaksanaan solat dengan tertib yang sah serta mengerjakan solat fardu secukupnya; dan kefahaman akan hakikat asas–asas Islam yang meliputi Aqidah, Ibadah dan Akhlak.

PST 1021
Pesat 2
Kursus ini menekankan kepada perkara-perkara asas dalam Islam iaitu menghafaz 9 ayat daripada surah-surah lazim dalam Al-Quran, menanam kesedaran kepada pelajar supaya mengamal solat berjemaah serta kefahaman mengenai tuntutan Islam dalam diri, keluarga bagi menjamin masa depan Islamnya.

PST 2031
Pesat 3
Kursus ini menfokus kepada kemahiran menghafaz surah-surah yang terpilih, kesempurnaan dalam mengerjakan ibadah terutama ibadah khusus ;tauhid uluhiyyah, rububiyyah, tauhid asma wa sifat dan perkara-perkara yang membatalkan iman serta sifat-sifat orang mencintai Islam.

PST 2041
Pesat 4
Kursus ini memberi penekanan dengan menghafaz surah Al-Alaq, At-Tinn, Al-Insyirah, Ad-Dhuha, Al-A'la, tarbiyah ruhiyah serta konsep dakwah Islam didedahkan dalam mengapikasikan dalam kehidupan.

PST 3051
Pesat 5
Kursus ini membincangkan kepentingan dan proses penyucian jiwa; proses pendidikan kendiri serta menghafal ayat-ayat pilihan dalam Al-Quran.

PST 3061
Pesat 6
Kursus ini memberi penekanan kepada menghafal beberapa ayat pilihan. Selain itu, tajuk –tajuk berkisar mengenai sifat-sifat jurudakwah dan kaedah dakwah dibincang agar dapat melahirkan pelajar yang mampu memberi menyambung kerja Rasulullah saw.

ELS 1112
Basic English Skills
The course is a one-semester programme designed to remedy students' weaknesses in the use of English and to raise their proficiencing level. It covers the major aspects of Grammar, Reading and Writing. Meaningful language practice and integration of the four language skills will be provided through appropriate contexts.

ELS 1212
English Comunicative Skills I
The course is designed for Diploma students and covers the major aspects of Grammar, Reading, Writing, Listening and Speaking. Students' proficiency will be enhanced through meaningful language practices, which involve the integration of the four language skills.

ELS 2222
English Communicative Skills II
The course is designed for Diploma students to further develop skills in Reading, Writing, Listening and Speaking. Students will have the opportunity to practise the four skills in integrated, meaningful tasks, which are suitable to their level of proficiency.

ELS 2232
English Communicative Skills III
The course is designed to prepare students with job search skills and communication in the workplace atmosphere. Oral presentation in this course hopes to be able to polish the verbal and social communication skills of students in preparations for the working worlds. Students will also be trained to be professional, responsible and ethical in communication.

KTW 1112
Pendidikan Islam Asas I
Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu dalam Islam, tauhid sebagai paksi kehidupan, konsep ibadah dalam Islam, akhlak Islamiyah, wanita dalam Islam, etika kerja dan pembangunan dalam Islam, kesenian dan komunikasi Islam serta dakwah Islamiyah.

KTW 1122
Pendidikan Islam Asas II
Kursus ini membincangkan tentang konsep penciptaan manusia, aqidah Islamiyah, perkembangan Islam di Tanah Melayu, sumber panduan dan perundangan dalam Islam, hegemoni barat dan globalisasi, hak-hak asasi manusia, krisis alam sekitar dan jihad dalam Islam.

KTW 2132

Pendidikan Islam Pengukuhan

Kursus ini membincangkan tentang konsep taharah/bersuci, istinjak, wudhuk, mandi wajib, tayammum, menguruskan jenazah, solat, zakat, puasa, haji, umrah, korban dan aqiqah.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA MULTIMEDIA

SEMESTER 1

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILL	2
MPU 1 (MPU2163 / MPU2143)	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2 (WAJIB MQA)	3
MTH 1213	MATEMATIK DISKRIT	3
KTW 1112	PENDIDIKAN ISLAM ASAS I	2
CSC 1213	PENGENALAN MULTIMEDIA	3
CSC 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN DAN APLIKASI KOMPUTER	3
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER 2

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL I	2
MPU 22X2	ELEKTIF 1 (KEMAHIRAN INSANIAH) (WAJIB MQA)	2
MPU 3 (MPU2312)	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA (WAJIB MQA)	2
KTW 1122	PENDIDIKAN ISLAM ASAS II	2
CSC 1513	KONSEP PENGATURCARAAN	3
CSC 1413	ASAS FOTOGRAFI	3
CSC 1...1	KO-KURIKULUM	1
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER 3

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS II	2
KTW 2132	ASAS PENGURUSAN ISLAM	2
CSC 2233	INTERAKSI MANUSIA-KOMPUTER	3
CSC 2423	AUDIO DAN VIDEO	3
CSC 2143	PENGURUSAN PROJEK MULTIMEDIA	3
CSC 2133	SISTEM PANGKALAN DATA	3
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER 4

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS III	2
MPU 24X2	ELEKTIF 4 (KHIDMAT MASYARAKAT)	2
ACT 2113	PENGANTAR PERAKAUNAN	3
CSC 2323	ILUSTRASI DAN REKABENTUK GRAFIK	3
CSC 2333	ANIMASI 2D	3
CSC 3533	PENGATURCARAAN INTERNET	3
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER 5

KOD	KURSUS	KREDIT
MGT 3233	ETIKA PERNIAGAAN	3
MGT 3223	KEUSAHAWANAN	3
CSC 3343	ANIMASI 3D	3
CSC 3223	REKABENTUK ARAHAN MULTIMEDIA	3
CSC 3153	E-PERNIAGAAN (E-BIZ)	3
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER 6

KOD	KURSUS	KREDIT
CSC 3533	PEMBANGUNAN APLIKASI WEB	3
CSC 3163	PENGENALAN KEPADA KOMUNIKASI DATA DAN RANGKAIAN KOMPUTER	3
CSC 3543	PENGATURCARAAN BERORIENTASIKAN OBJEK	3
CSC 3243	PROJEK MULTIMEDIA	3
ALI 3000	LATIHAN INDUSTRI	0
JUMLAH		**12 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**90 JAM**

RINGKASAN SILIBUS KURSUS DIPLOMA MULTIMEDIA

MTH 1213
Matematik Diskrit
Di antara tajuk yang diberi penekanan adalah teori set, hubungan dan fungsi, mantik, algorithma, kalkulus dan pengiraan.

CSC 1213
Pengenalan Kepada Multimedia
Multimedia amat sukar ditafsirkan, tetapi ia melibatkan kombinasi teknologi yang sedia ada. Pelajar akan dapat mempelajari dengan lebih lanjut mengenai komponen-komponen multimedia, perkakasan, rangkaian, menyampaikan aplikasi multimedia, hakcipta serta tren masa depan multimedia.

CSC 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan dan Aplikasi Komputer
Kursus ini membincangkan secara ringkas tentang sejarah komputer sistem komputer, tertingkap serta internet. Kursus ini juga memperkenalkan pakej aplikasi komputer yang sering digunakan seperti pemprosesan perkataan, helaian elektronik dan sistem pengurusan pangkalan data.

CSC 1513
Konsep Pengaturcaraan
Subjek ini mengandungi pengenalan kepada bahasa pengaturcaraan, pengenalan kepada kitar hayat pembangunan perisian, pengaturcaraan komputer, teknik penyelesaian masalah menggunakan perwakilan algorithma, pengenalan kepada bahasa C++, membangun bahasa C++ berdasarkan penyelesaian yang telah dibuat.

CSC 1413
Asas Fotografi
Pra-syarat : CSC 1213 Pengenalan Kepada Multimedia
Subjek ini mendedahkan pelajar-pelajar tentang asas-asas teori dan aplikasi teknologi fotografi dalam multimedia menggunakan perisian asas digital fotografi dan penyuntingan imej.

CSC 2323
Ilustrasi dan Rekabentuk
Pengenalan grafik dan illustrasi, komunikasi grafik, Asas-asas Illustrasi & tipografi, rekabentuk komputer. Pengdigitalan data, Pengaturcaraan grafik kompoter, perisian Adobe Illustrator CS.

CSC 2423
Audio dan Video
Pra-syarat : CSC 1413 Asas Fotografi
Subjek ini mendedahkan pelajar-pelajar tentang asas-asas teori dan aplikasi dalam teknologi audio-video dalam multimedia melalui perisian digital audio dan penyuntingan video bagi menghasilkan sesebuah produksi audio dan video.

CSC2143
Pengurusan Projek Multimedia
Pra-syarat : CSC 1213 Pengenalan Kepada Multimedia
Subjek ini mendedahkan pelajar-pelajar mengenai elemen-elemen multimedia melalui prototaip multimedia yang merangkumi isu-isu kontrak, isi-isi kandungan, interaksi rekabentuk, media dan alatan-alatan pengarangan, skrip, proposal, skop projek, kos belanjawan produksi dan teknik-teknik pengiraan kos bagi sesebuah projek.

CSC 2133
Sistem Pangkalan Data
Kursus ini memperkenalkan pelajar tentang penggunaan asas sistem Pangkalan Data dan bagaimana ia digunakan dalam kehidupan manusia seharian dan profesionalisme, merangkumi topik-topik seperti persekitaran Pangkalan Data, rekabentuk Pangkalan data, perhubungan & SQL. Secara praktikalnya mereka perlu merekabentuk dan membangun projek Pangkalan Data, bagi syarikat yang dipilih yang menggunakan aplikasi Pangkalan Data dalam operasi seharian

CSC 2333
Animasi 2-D
Subjek ini mendedahkan takrif animasi, papan cerita, skrip, jenis-jenis animasi, Teknik membina animasi, pengkelasan alatan animasi, perisian Macromedia Director dan Lingo dan Macromedia Flash.

CSC 2233

Interaksi Manusia - Komputer

Memperkenalkan strategi interaksi manusia-komputer dari pelbagai perspektif termasuk psikologi kognitif dan pengguna akhir. Tema utama termasuk rekabentuk berasaskan pengguna, rekabentik dan penilaian
antara muka, menyesuaikan sistem komputer dengan tahap kognitif pengguna.

CSC 2533

Pengaturcaraan Internet

Pra-syarat : CSC1513 Konsep Pengaturcaraan

Pelajar akan diperkenalkan kepada bahasa HTML, terma dan konsep-konsep, sejarah, pelayar web dan terma-terma lain. Tag asas HTML: HTML,T TLE, Tag Body yang asas; Praformat teks, imej, pautan, jadual, borang dan frame. "Cascading Style Sheet (CSS); Inline, Internal dan external Style Sheet", Teks, warna, bullet dan numbering multimedia : 'Plugin'; cara-cara memasukkan fail-fail multimedia ke dalam web.

CSC 3343

Animasi 3-D

Pra-syarat : CSC 2333 Animasi 2-D

Berfikir Secara 3 Dimensi, 3D dan Kegunaan Masa Kini, Papan Cerita, Membina Model, Permukaan Tekstur dan Proses, Pencahayaan, Rendering.

CSC 3223

Rekabentuk Arahan Multimedia

Pra-syarat : CSC 1213 Pengenalan Multimedia

Kursus ini memperkenalkkan pelajar-pelajar tentang konsep-konsep dalam arahan rekabentuk multimedia dan pembangunan, perbandingan antara alatan pengarangan, kitaran dalam arahan, interaktif, rekabentuk skrin dan antaramuka dan menghubungkaitkannya dengan teori pembelajaran.

CSC 3153

Perniagaan Elektronik

Kursus ini membincangkan tentang pengenalan kepada perniagaan, strategi-strategi dalam perniagaan, perniagaan kepada perniagaan (B2B), Perniagaan kepada Pengguna (B2C), Internet, Helaian dalam Web, elemen-elemen dalam perdagangan elektronik dan perniagaan elektronik.

CSC 3533

Pembangunan Aplikasi Web

Pra-syarat : CSC2533 Pengaturcaraan Internet, CSC2133 Sistem Pangkalan Data

Lanjutan bagi kursus pengaturcaraan web bagi mendedahkan pelajar kepada teknologi baru web. Ia lebih tertumpu dalam proses membentuk satu web aplikasi yang dinamik dan berasaskan sistem pengkalan data. Pelajar akan didedahkan dengan penggunaan bahasa PHP dan MySQL dalam membentuk sesuatu aplikasi berasaskan web.

CSC 3163

Pengenalan Kepada Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada konsep rangkaian komputer, teknologi LAN, topologi rangkaian, skema pengalamatan LAN, penkabelan dan pekakasan LAN, teknologi WAN, pengenalan asa kepada rangkaian wireles. Ia juga akan mengenalpasti dan mempelbagaikan kunci konsep dan isu-isu dalam rangkaian komputer.

CSC 3543

Pengaturcaraan Berorientasikan Objek

Pra-syarat : CSC 1513 Konsep Pengaturcaraan

Pengajaran meliputi asas pengaturcaraan Java, Aplikasi Java, Objek dan Kelas, Pernyataan kawalan, Pewarisan, Pustaka Kelas Java, Aplet, Pengenalan Kepada OOP : Konsep kelas dan objek, UML, enkapsulasi dan penyambungan data, polimorfisma dan perwarisan.

CSC 3243

Projek Multimedia

Pra-syarat : CSC 2423 Audio Video, CSC 2333 Animasi 2D, CSC3223 Rekabentuk Arahan Multimedia

Kursus ini memperkenalkan banyak aspek rekabentuk interaktif dan produksi multimedia yang menumpukan atas penggunaan pengarangan program untuk mencipta produk multimedi yang interaktif. Pelajar diperkenalkan kepada program-program pengarangan yang digunakan untuk menyampaikan maklumat dengan perhatian khusus dari pelbagai media untuk komunikasi.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA SAINS KOMPUTER

SEMESTER 1/TAHUN 1

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 1523	ORGANISASI SENIBINA KOMPUTER	3
DCS 1213	PENGENALAN PENYELESAIAN MASALAH BERKOMPUTER	3
DCS 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN DAN APLIKASI KOMPUTER	3
MTH 1412	MATEMATIK 1	2
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILL	2
PST 1011	PESAT 1	1
MPU 1 (MPU 2163 / MPU 2143)	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2 (WAJIB MQA)	3
	JUMLAH	**17 JAM**

SEMESTER 2/TAHUN 1

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 1223	PENGATURCARAAN C++	3
DCS 1313	SISTEM PENGOPERASIAN	3
DCS 1413	SISTEM PANGKALAN DATA	3
MTH 1422	MATEMATIK 2	2
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL 1	2
PST 1021	PESAT 2	1
MPU 22X2	MPU 2 (KEMAHIRAN INSANIAH) (WAJIB MQA)	2
MPU 3 (MPU 2312)	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA (WAJIB MQA)	2
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM 1	1
	JUMLAH	**19 JAM**

SEMESTER SP1/TAHUN 1

KOD	KURSUS	KREDIT
MTH 2513	STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN	3
MGT 2223	KEUSAHAWANAN	3
PST 2031	PESAT 3	1
	JUMLAH	**7 JAM**

SEMESTER 3/TAHUN 2

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 2713	ANALISIS DAN REKABENTUK SISTEM	3
DCS 2233	STRUKTUR DATA DAN ALGORITMA	3
DCS 2243	PENGATURCARAAN INTERNET	3
DCS 2253	PENGATURCARAAN BERORIENTASIKAN OBJEK	3
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL 2	2
PST 2041	PESAT 4	1
MPU 24X2	MPU 4(KHIDMAT MASYARAKAT)	2
GCS 1XX1	KO-KURIKULUM 2	1
	JUMLAH	**18 JAM**

SEMESTER 4/TAHUN 2

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 2123	INTERAKSI MANUSIA KOMPUTER	3
DCS 2273	PEMBANGUNAN APLIKASI WEB	3
DCS 2613	KOMUNIKASI DATA DAN RANGKAIAN	3
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL 3	2
DCS XXX3	ELEKTIF 1	3
DCS XXX3	ELEKTIF 2	3
PST 3051	PESAT 5	1
	JUMLAH	**18 JAM**

SEMESTER SP2/TAHUN 2

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 2323	KESELAMATAN KOMPUTER	3
DCS XXX3	ELEKTIF 3	3
PST 3061	PESAT 6	1
	JUMLAH	**7 JAM**

SEMESTER 5/TAHUN 3

KOD	KURSUS	KREDIT
DCS 3816	LATIHAN INDUSTRI	6
JUMLAH		**6 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**92 JAM**

KURSUS ELEKTIF

BIL	KOD	KURSUS	KREDIT
1	DCS 2263	PEMBANGUNAN SISTEM & APLIKASI	3
2	DCS 2283	PARADIGMA PENGATURCARAAN	3
3	DCS 2143	E-PERNIAGAAN	3
4	DCS 2133	ETIKA KOMPUTER	3
5	DCS 2723	KEJURUTERAAN PERISIAN	3
6	CSC 1213	PENGENALAN KEPADA MULTIMEDIA	3

RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA SAINS KOMPUTER

DCS 1513
Organisasi Senibina Komputer
Kursus ini membincangkan secara terperinci mengenai kefungsian komponen komputer, ciri-ciri, prestasi dan kaitan dalam komputer sistem termasuk bas sistem, kepelbagaian jenis memori dan input/output dan CPU, dan juga perlaksanaan secara praktikal kepada komponen-komponen. Selain itu, pelajar didedahkan tentang isu senibina seperti rekabentuk set arahan dan jenis data dan juga bidang penting dalam organisasi selari.

DCS 1213
Pengenalan Penyelesaian Masalah Berkomputer
Kursus ini direka untuk menyediakan pelajar untuk mempelajari asas kepada perkakasan dan perisian komputer, bahasa pengaturcaraan komputer, prinsip asas penyelesaian masalah dan kaedah pembangunan aturcara/perisian yang ditekankan kepada bahasa C++. Penyelesaian masalah melibatkan memahami masalah untuk menghasilkan satu algoritma yang seterusnya dapat dilaksanakan oleh komputer. Pada akhir kursus, pelajar sepatutnya boleh merekabentuk algoritma dan menyelesaikan masalah menggunakan bahasa C++ berdasarkan set masalah yang diberi.

DCS 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan dan Aplikasi Komputer
Pengenalan kepada IT, proses teknologi, input, output, storan, teknologi komunikasi, rangkaian dan teknologi dalam masyarakat.

MTH 1412
Matematik 1
Kursus ini meliputi dua disiplin Matematik iaitu Aljabar Linear dan Matematik Diskrit. Topik Aljabar Linear termasuk Persamaan Linear, Matrik, Penentu, Vektor. Topik Matematik Diskrit termasuk Teori Logik, Fungsi, Hubungan Setara, Induksi, Pengiraan, Teori Graf, Pepohon dan Aljabar Boolean.

DCS 1223
Pengaturcaraan C++
Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar mengenai pengetahuan tentang teori-teori penting pengaturcaraan menggunakan bahasa C++. Topik yang ditekankan adalah mengenai konsep pengaturcaraan C++ termasuk elemen C++ yang umum, format input/output, penyataan pilihan, gelung, fungsi, tatasusunan, *c-string*, penuding, dan pengenalan kepada teknik-teknik berorientasikan objek. Kursus ini juga akan menekankan konsep asas pengaturcaraan, teknik-teknik yang berbeza untuk menulis program dalam bahasa C++, pembangunan pengaturcaraan dan menghasilkan atau menunjukkan output.

DCS 1313
Sistem Pengoperasian
Kursus ini dijalankan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai perkara asas dalam sistem pengopersian termasuklah proses, pengurusan memori, fail dan I/O dan juga mengenai penjadualan CPU. Bahagian pengenalan mengandungi mengenai perkembangan sistem pengoperasian daripada ia bermula sehinggalah sekarang. Pelajar juga akan belajar mengenai konsep asas, teknologi dan teori yang digunakan di dalam sistem pengoperasian seperti keserentakan, *kernel*, kebuntuan dan *multitreading*.

DCS 1413
Sistem Pangkalan Data
Kursus ini memperkenalkan pelajar tentang penggunaan asas sistem Pangkalan Data dan bagaimana ia digunakan dalam kehidupan manusia seharian dan profesionalisme, merangkumi topik-topik seperti persekitaran Pangkalan Data, rekabentuk Pangkalan data, perhubungan & SQL. Secara praktikalnya mereka perlu merekabentuk dan membangun projek Pangkalan Data, bagi syarikat yang dipilih yang menggunakan aplikasi Pangkalan Data dalam operasi seharian

MTH 1422
Matematik 2
Kursus ini diperlukan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep asas matematik yang penting untuk kefahaman dalam sains komputer yang meliputi Boolean Algebra, Jujukan dan Siri, dan Teorem Binomial. Beberapa prinsip asas fungsi dan polinomial pula sangat penting terutamanya di dalam subjek Program Linear.

MTH 2513
Statistik dan Kebarangkalian
Pelajar akan didedahkan dengan konsep kebarangkalian dan statistik inferens. Kursus ini dimulai dengan takrifan data dan pengukuran angka, kebarangkalian, pembolehubah rawak diskrit, pembolehubah rawak selanjar, dan taburan persampelan. Topik utama untuk statistik inferens dimulai dengan pengganggaran. Ini diikuti oleh pengujian hipotesis populasi, pengganggaran, linear regresi mudah dan korelasi. Selain daripada itu kursus ini memberi pendedahan dalam penggunaan perisisan statistik.

MGT 2223
Keusahawanan
Kursus ini membincangkan tentang keperluan-keperluan asas yang perlu ada untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Kursus ini akan memberikan penekanan kepentingan mengenal serta membuat analisa peluang perniagaan baru. Pelajar akan melalui latihan untuk menyediakan dokumen perniagaan lengkap serta membuat persembahan secara berkumpulan perancangan perniagaan tersebut.

DCS 2713
Analisis dan Rekabentuk Sistem
Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan pelbagai sistem maklumat dan kepentingannya kepada halatuju strategik organisasi. Seterusnya menerangkan pelbagai metodologi kitaran pembangunan sistem terutamanya Waterfal dan juga prototaip dan RAD. Fasa-fasa pembangunan ditunjukkan iaitu fasa perancangan dalam pengurusan projek, fasa analisayang memfokuskan kepada ERD dan DFD, fasa rekabentuk dalam merekabentuk borang, laporan, pangkalan data, antaramuka pengguna dan pengkomputeran teragih. Serta fasa perlaksanaan yang membincangkan berkenaan pengkodan, migrasi data, data pengujian dan penyelenggaraan sistem.

DCS 2233

Struktur Data dan Algoritma

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang struktur data dan kaedah algoritma atau teknik untuk menyelesaikan masalah dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan C++. Teknik tersebut termasuk senarai berpaut, tindanan, baris gilir, rekursif, pokok, carian, graf dan tatasusunan. Kursus ini juga mendedahkan konsep-konsep asas struktur data, operasi bagi pembangunan model, algoritma atau rekabentuk pseudokod, pembangunan pengaturcaraan dan menghasilkan output.

DCS 2243

Pengaturcaraan Internet

Pra-syarat : DCS1213 Pengenalan Penyelesaian Masalah Berkomputer

Pelajar akan diperkenalkan kepada bahasa HTML, terma dan konsep-konsep, sejarah, pelayar web dan terma-terma lain. Tag asas HTML: HTML,T TLE, Tag Body yang asas; Praformat teks, imej, pautan, jadual, borang dan frame. "Cascading Style Sheet (CSS); Inline, Internal dan external Style Sheet", Teks, warna, bullet dan numbering multimedia : 'Plugin'; cara-cara memasukkan fail-fail multimedia ke dalam web.

DCS 2253

Pengaturcaraan Berorientasikan Objek

Kursus ini akan memperkenalkan asas pengaturcaraan berorientasikan objek seperti *data abstraction, encapsulation, polymorphism* dan *inheritance*. Selain dari itu grafik, *event handling, interface components, data abstraction* dan *exception handling* di dalam Java juga dijelaskan.

DCS 2123

Interaksi Manusia - Komputer

Kursus ini membincangkan pentingnya interaksi antara manusia dan komputer (HCI), sebagai satu cara untuk mencapai rekabentuk yang lebih kompetitif yang tumbuh yang mana sesuai dalam bidang IT dan lain-lain.HCI memfokuskan bagaimana cara yang terbaik untuk merancang dan menghasilkan sistem yang baik, interaktif, produktif dan menyenangkan untuk digunakan oleh pengguna. HCI juga merupakan kajian tentang bagaimana pengguna berinteraksi dengan teknologi komputer.

DCS 2273

Pembangunan Aplikasi Web

Pra-syarat : DCS224 Pengaturcaraan Internet, DCS1413 Sistem Pangkalan Data
Lanjutan bagi kursus pengaturcaraan web bagi mendedahkan pelajar kepada teknologi baru web. Ia lebih tertumpu dalam proses membentuk satu web aplikasi yang dinamik dan berasaskan sistem pengkalan data. Pelajar akan didedahkan dengan penggunaan bahasa PHP dan MySQL dalam membentuk sesuatu aplikasi berasaskan web.

DCS 2613
Komunikasi Data dan Rangkaian Komputer
Di dalam subjek ini, pelajar akan didedahkan dengan konsep rangkaian komputer, teknologi LAN, topologi rangkaian, skema pengalamatan LAN, pengkabelan LAN dan perkakasan, alat untuk membangunkan LAN seperti 'repeater', 'bridges', 'switches' dan 'router', teknologi Wan dan penghalaan seperti ATM, ISDN, ADSL dan 'Frame Relay', konsep antaraangkaian, pengkapsulasi IP, fragmentasi paket dan penghimpunan semula, protokol pengangkutan, aplikasi rangkaian dan asas kepada rangkaian tanpa wayar. Pelajar juga akan diberi pendedahan tentang pengalamatan IP, pengsubnetan, 'subnet masking' dan rekabentuk rangkaian. Pada akhir kursus, pelajar mampu menggunakan konsep, merekabentuk rangkaian dan menggunakan rangkaian komputer dalam kehidupan seharian.

DCS 2323
Keselamatan Komputer
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip asas, teori dan aplikasi dalam bidang keselamatan komputer dan mekanisme kawalannya. Kursus ini juga menekankan konsep umum keselamatan komputer seperti enkripsi dan dekripsi serta aplikasinya, kawalan keselamatan sistem operasi, sistem pengurusan pangkalan data, rangkaian komputer, kawalan fizikal dan undang- undang serta etika keselamatan.

KURSUS ELEKTIF

DCS 2263
Pembangunan Sistam & Aplikasi
Kursus ini direka untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk menggunakan pengetahuan yang diperolehi daripada semester 1 sehingga 5 seperti analisis dan merekabentuk, sistem pangkalan data, struktur data dan algoritma, sistem pengoperasian serta pengaturcaraan web dengan melaksanakan projek membangunkan sistem secara berkumpulan.

DCS 2283
Paradigma Pengaturcaraan
Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep pengaturcaran dan paradigma yang berbeza antara bahasa pengaturcaraan. Selain itu, ia merangkumi sejarah serta isu-isu penterjemahan bahasa yang memfokuskan tentang sintak bahasa, fasa penterjemahan dan model penterjemahan. Pengenalan kepada skrip Perl juga diperkenalkan sebagai pilihan bahasa pengaturcaraan yang boleh digunakan untuk penyelesaian masalah. Di samping itu, kursus ini juga merangkumi topik-topik berkenaan dengan pengaturcaraan berorientasikan Web seperti HTML, XML, skrip Java dan *Event Driven Programming*.

DCS 2143
E-Perniagaan
Kursus ini mengandungi pengenalan kepada perniagaan elektronik, strategi perniagaan, jenis-jenis perniagaan, penggunaan internet dalam perniagaan elektronik, membina laman web, elemen di dalam perdagangan dan perniagaan elektronik.

DCS 2133
Etika Komputer
Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengetahui isu-isu sosial, etika dan profession dalam teknologi maklumat. Pelajar juga didedahkan dengan persekitaran komputer di tempat kerja dan jenayah komputer melalui perbincangan isu-isu semasa dan kajian kes.

DCS 2723
Kejuruteraan Perisian
Kursus ini membincangkan tentang perkara asas bagi proses-proses kejuruteraan perisian. Ia akan memberi penekanan kepada model proses perisian, pengurusan projek perisian, keperluan sistem perisian dan proses-proses kejuruteraan keperluan, rekabentuk berasaskan objek, rekabentuk antaramuka pengguna, pengesahan dan kesahihan serta pengujian perisian. Bilangan pendekatan yang digunakan untuk penyampaian perisian pantas juga dititikberatkan.

CSC 1213

Pengenalan Kepada Multimedia

Kursus ini terdiri daripada pengenalan kepada elemen asas dalam multimedia. Takrifan untuk Multimedia adalah sukar dan pelbagai. Walau bagaimanapun, ia melibatkan gabungan teknologi semasa. Pelajar dapat mempelajari lebih lanjut mengenai komponen dalam multimedia, perkakasan untuk rangkaian dan menyampaikan aplikasi multimedia, hak cipta dan trend masa depan dalam multimedia.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK INDUSTRI

SEMESTER 1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 1113	LITAR ELEKTRIK I	3
IEE 1413	PENGALATAN DAN PENGUKURAN	3
IEE 1011	BENGKEL ELEKTRONIK INDUSTRI	1
SCC 1213	FIZIK	3
MTH 1513	MATEMATIK KEJURUTERAAN I	3
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILLS	2
MPU 1 (MPU 2163 / MPU 2143)	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2 (WAJIB MQA)	3
PST 1011	PESAT 1	1
	JUMLAH	**19 JAM**

SEMESTER 2/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 1213	ELEKTRONIK DIGITAL	3
IEE 1713	ASAS MESIN ELEKTRIK	3
MTH 1523	MATEMATIK KEJURUTERAAN II	3
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS I	2
MPU 22X2	ELEKTIF 1 (KEMAHIRAN INSANIAH) (WAJIB MQA)	2
MPU 3 (MPU2312)	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA (WAJIB MQA)	2
PST 1012	PESAT 2	1
GSC 1...1	KO-KURIKULUM	1
	JUMLAH	**17 JAM**

SEMESTER SP1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 1812	KESELAMATAN DAN KESIHATAN DALAM PEKERJAAN (OSH)	2
MTH 1533	MATEMATIK KEJUTERAAN III	3
PST 2031	PESAT 3	1
	JUMLAH	**6 JAM**

SEMESTER 3/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 2123	LITAR ELEKTRIK II	3
IEE 2313	ELEKTRONIK I	3
IEE 2513	PENGATURCARAAN KOMPUTER	3
IEE 2612	ASAS SISTEM KOMUNIKASI	2
IEE 2432	PENGAWAL LOGIK BOLEH ATURCARA	2
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS II	2
PST 2041	PESAT 4	1
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM II	1
	JUMLAH	**17 JAM**

SEMESTER 4/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 2323	ELEKTRONIK II	3
IEE 2423	PRINSIP SISTEM KAWALAN	3
IEE 2523	MIKROPEMPROSES DAN MIKROPENGAWAL	3
IEE 2722	PENGANTAR PEMASANGAN DAN PENYELENGGARAAN ELEKTRIK	2
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS III	2
MPU 24X2	ELEKTIF 4 (KHIDMAT MASYARAKAT)	2
PST 3051	PESAT 5	1
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER SP2/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 2914	LATIHAN INDUSTRI	4
	JUMLAH	**4 JAM**

SEMESTER 5/TAHUN 3		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
IEE 3333	ELEKTRONIK INDUSTRI	3
IEE 3342	PROSES PEMBUATAN ELEKTRONIK	2
IEE 3442	PENGAUTOMATAN INDUSTRI	2
IEE 3812	PENGURUSAN KEJURUTERAAN DAN KEUSAHAWANAN	2

IEE 3083	PROJEK	3
PST 3061	PESAT 6	1
	JUMLAH	**13 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**92 JAM**

RINGKASAN SILIBUS DIPLOMA SAINS KOMPUTER

IEE 1113
Litar Elektrik I
Kursus ini mendedahkan pelajar kepada asas-asas litar elektrik, hukum-hukum dan teoram termasuklah litar sesiri, litar selari, gabungan litar siri-selari, penukaran sumber voltan – arus dan sebaliknya, teorem superposisi, analisis jejaring, analisis nod, teorem Thevenin dan teorem Norton.

IEE 1413
Pengalatan dan Pengukuran
Kursus ini adalah untuk memperkenalkan para pelajar serta memahami standard dan definisi penentukuran, mengenalpasti teknik-teknik pengukuran dan pengiraan ralat, mengenalpasti parameter meter arus terus analog dan meter arus ulang alik analog. Penukar analog ke digital juga diperkenalkan kepada pelajar didalam subjek ini.

IEE 1011
Bengkel Elektronik Industri
Kursus ini melibatkan kerja-kerja amali yang terdiri daripada dua (2) komponen iaitu komponen elektrik dan komponen elektronik.
Komponen elektrik: penyambungan kabel, pendawaian elektrik.
Komponen elektronik: projek elektronik, membuat PCB, pematrian.

SCC 1213
Fizik
Kursus ini merangkumi tajuk-tajuk asas dalam fizik termasuklah kuantiti dan unit,daya, kerja dan tenaga, elektrik dan elektrostatik, gerakan linear dan membulat, gelombang, cahaya, haba dan magnet.

MTH 1513
Matematik Kejuruteraan I
Kursus ini akan mendedahkan pelajar dengan beberapa konsep untuk memahami prinsip –prinsip matematik seperti Geometri Koordinat, Bulatan dan Sukatan

Membulat, Trigonometri, Koordinat Kutub dan Nombor Kompleks serta Vektor. Topik-topik ini banyak digunakan dalam aplikasi Sains Komputer serta Kejuruteraan.

IEE 1213
Elektronik Digital
Kursus ini memperkenalkan konsep asas digital, sistem nombor dan kod-kod binari, get-get logik, aljabar Boolean, peta-Karnaugh, litar logik gabungan, blok binaan gabungan – IC MSI termasuklah penambah, pengkod, penyahkod, pemultipleks, dan penyahmultipleks; litar flip-flop (S-R, D, J-K), pembilang (segerak & tak segerak), daftar anjakan, dan penukar ADC dan DAC.

IEE 1713
Asas Mesin Elektrik
Pra-syarat : Litar Elektrik I (IEE 1113)
Kursus ini mengandungi pengenalan kepada penjana kuasa elektrik, penjanaan AU satu fasa, penjana AT dan kuasa AC
Sistem 3 kuasa, penjana 3 fasa, beban seimbang dan tidak seimbang. Kuasa dalam sistem 3 kuasa.
Litar magnet – definisi, litar siri dan selari dan induksi elektromagnet..

MTH 1523
Matematik Kejuruteraan II
Pra-syarat : Matematik Kejuruteraan I (IEE 1513)
Kursus ini memberi pendedahan kepada konsep asas matematik seperti tpersamaan serentak, jujukan dan siri serta teorem binomial. Kursus ini juga merangkumi konsep-konsep asas fungsi dan polynomial yang penting untuk aplikasi dalam bidang kejuruteraan.

IEE 1812
Keselamatan dan Kesihatan dalam Pekerjaan (OSH)
Kursus ini memperkenalkan pelajar pengetahuan dan kemahiran dalam Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja yang merangkumi Kesihatan, Keselamatan dan Pengurusan Alam Sekitar serta akta-akta yang terlibat, kelengkapan perlindungan diri, pengurusan risiko dan penilaian, kecederaan fizikal dan kawalan, bahaya-bahaya yang terdedah terhadap kesihatan dan siasatan kemalangan dan laporan.

IEE 1533
Matematik Kejuruteraan III
Pra-syarat : Matematik Kejuruteraan II (MTH 1523)
Kursus ini akan mendedahkan pelajar dengan konsep terbitan serta kaedah penyelesaian terbitan. Dalam topik ini juga pelajar akan didedahkan dengan konsep had dan teorem had. Selain itu pelajar juga akan diajar cara untuk menyelesaikan masalah persamaan terbitan biasa peringkat pertama dan juga masalah persamaan terbitan biasa peringkat kedua. Pelajar juga akan didedahkan dengan asas dan kaedah pengamiran. Dalam topik ini juga akan menyentuh sedikit tentang penggunaan pengamiran. Dalam topik terakhir pula, pelajar akan mempelajari tentang penjelmaan Laplace serta kaedah penyelesaian masalah pembezaan menggunakan Penjelmaan Laplace.

IEE 2123
Litar Elektrik II
Pra-syarat : Litar Elektrik I (IEE 1113)
Kursus ini merangkumi tajuk-tajuk arus ulang alik (AU), analisis litar AU, rangkaian dua liang, analisis litar pembeza peringkat pertama dan kedua, serta sambutan frekuensi.

IEE 2313
Elektronik I
Pra-syarat : Litar Elektrik I (IEE 1113)
Kursus ini meliputi pengenalan kepada peranti semikonduktor seperti diod dan transistor serta aplikasinya. Pengenalan kepada bahan semikonduktor, diod semikonduktor, binaan diod, simbol dan ciri-ciri, pengecaman diod dan juga spesifikasinya. Pengenalan kepada diod zener,pelbagai jenis diod yang lain seperti diod pemancar cahaya (LED)dan diod foto. Analisis dan aplikasi diod dalam litar arus terus serta garis beban, analisis dan aplikasi dalam litar arus ulang alik termasuklahpenerus, pengetip dan penghad aras. Aplikasi diod Zener.
Pengenalan kepada Transistor Dwi Kutub (BJT), binaan, operasi, simbol, konfigurasi, ciri-ciri, had pengoperasian, pengenalan kepada terminal, dan litar pincangnya. Aplikasi transistor sebagai suis. BJT sebagai amplifier, litar setara model r_e dan model hybrid. Sambutan frekuensi bagi BJT: penentuan frekuensi potong.

IEE 2513
Pengaturcaraan Komputer
Kursus ini mendedahkan pelajar kejuruteraan kepada asas komputer dan penekanan terhadap rekabentuk penyelesaian masalah menggunakan carta alir dan dan kod pseudo. Pelajar akan mempelajari sejenis bahasa pengaturcaraan iaitu bahasa C yang meliputi jenis data, operator, fungsi, struktur pilihan dan struktur ulangan.

IEE 2612
Asas Sistem Komunikasi
Subjek ini adalah memperkenalkan kepada pelajar sistem komunikasi elektronik. Topik-topik utama adalah sistem modulatan, jenis modulatan dan litar yang digunakan. Ia juga menerangkan operasi dan struktur bagi alat pandu gelombang, garis pemancar, penyebaran gelombang radio, radar, satelit, jenis-jenis pemancar data dan komponen bagi radio dan tiub TV warna.

IEE 2432
Pengawal Logik Boleh Aturcara
Pengenalan kepada prinsip kendalian, reka bentuk umum PLC, pengaturcaraan, Keselamatan dan Aplikasi PLC.

IEE 2323
Elektronik II
Pra-syarat : Elektronik I (IEE 2313)
Subjek ini meliputi tajuk JFET, penguat gabungan, penguat kendalian, penguat kuasa dan penenggelam haba (heat sink).
JFET: Pengenalan, struktur, simbol, cirri-ciri dan operasi bagi JFET. Ia termasuk analisis pincangan arus terus dan arus ulang alik.
Penguat gabungan: Meliputi analisis gabungan kasked BJT-BJT, BJT-FET, FET-FET, gabungan pasangan darlington dan penguat pembezaan.
Penguat kendalian: Pengenalan, struktur, simbol, ciri-ciri dan kendalian,analisislitar aplikasi penguat kendalian.
Penguat kuasa: Analisis litar penguat kuasa mengikut kelas (A, B dan AB) dan penggunaan penenggelam haba.
Simulasi berkomputer: Penggunaan perisian EWB (Multisim)bagi menganalisis litar.

IEE 2423

Prinsip Sistem Kawalan

Pra-syarat : Litar Elektrik II (IEE 2123)

Pengenalan kepada prinsip asas sistem kawalan;

Elemen-elemen asas sistem kawalan, kawalan gelung buka dan gelung tutup, klasifikasi system kawalan, Pemodelan matematik: persamaan terbitan dan rangkap pindah. Pemodelan system elektrik, mekanikal dan elektromekanikal. Graf aliran isyarat. Analisis sambutan masa; isyarat-isyarat ujian, plot kutub-sifar, sambutan system tertib pertama dan tertib kedua.

Spesifikasi domain masa, analisis kestabilan dalam domain masa; kriteria kestabilan Routh-Hurwitz, analisis ralat keadaan mantap. Teknik londar punca. Analisis sambutan frekuensi, plot Nyquist, plot bode. Kesan gandaan terhadap plot Nyquist dan plot Bode. Pengenalan kepada perisian Matlab.

IEE 2523

Mikropemproses dan MikroPengawal

Pra-syarat : Elektronik Digital (IEE 1213)

Kursus terbahagi kepada dua bahagian; perkakasan dan perisian. Topik perkakasan termasuklah konsep mikropemproses dan mikropengawal, konfigurasi asas system mikropemproses, komponen persisian, penyambungan system asas dan antaramuka persisian (masukan/keluaran). Topik perisian meliputi struktur pemprograman bahasa himpunan, mode pengalamatan, operasi arahan bahasa himpunan, tindanan, subrutin dan indeks, sampukan dan pemasa. Sesi latihan makmal melibatkan penulisan program menggunakan bahasa himpunan, membuat simulasi program dan pengujian menggunakan peranti masukan dan keluaran.

IEE 2721

Pengantar Pemasangan dan Penyelenggaraan Elektrik

Pra-syarat : Litar Elektrik I (IEE 1113) dan Makmal Elektronik Industri I (IEE 1011)

Kursus ini merangkumi keselamatan di tempat kerja, lukisan pemasangan elektrik, peralatan pemasangan, rekabentuk pemasangan, jenis-jenis pemasangan, ujian pemasangan dan penyelenggaran.

IEE 3333
Elektronik Industri
Pra-syarat : Elektronik II (IEE 2323)
Kursus ini memperkenalkan komponen, peranti dan litar yang banyak diguna pakai dalam industri termasuklah bekalan kuasa teratur, penjana gelombang (pengayun), thyristor, UJT, PUT, dan peranti opto elektronik.

IEE 3343
Proses Pembuatan Elektronik
Pra-syarat : Elektronik I (IEE 2313)
Kursus ini meliputi pengenalan kepada industri elektronik, sejarah pembuatan elektronik dan juga pasaran serantau bagi produk elektronik. Pengenalan kepada prinsip produksi, kitar hidup produk, dan hubunganproduk dengan pemprosesan, produktiviti, kawalan produksi dan inventori.
Pengenalan kepada komponen asas, jenis komponen, pembungkusan dan kategori komponen. Pengenalan dan definisi ESD, penyebab ESD dan juga peralatan perlindungan bagi ESD.
Pengenalan kepada PCB, jenis PWB, proses asas, bahan asas, proses pencantuman, kawalan kualiti. Fabrikasi PCB, proses – proses asas yang melibatkan PCB, permindahan imej, penampalan, merekabentuk dan hasilan. Proses pencantuman menggunakan komponen TH dan komponen SM. Pengenalan kepada pematerian, proses, bahan-bahan, flux pemateri, teknik pemateri, teknik mencuba, pembersihan. Pengenalan kepada pengujian produk, objektif pengujian dan prosidur, jenis pengujian produk. Kajian kes dan projek .

IEE 3443
Pengautomatan Industri
Subjek ini adalah untuk memperkenalan asas pengautomatan. Pelajar akan diperkenalkan dengan alatan automatan seperti sensor, transduser dan actuator. Subjek ini juga merangkumi pengenalan kepada robot industri dan teknik – teknik pengautomatan serta FMS.

IEE 3812
Pengurusan Kejuruteraan dan Keusahawanan
Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan kejuruteraan dan keusahawanan. Di antara perkara yang akan dibincangkan adalah pengenalan kepada pengurusan, fungsi pengurusan, kompenan dalam pengurusan, pengenalan kepada sains pengurusan, analisis keputusan, model aliran rangkaian,

pengangkutan, pemindahan dan masalah tugasan serta pengurusan inventori, keusahawanan dan penyediaan rancangan perniagaan.

IEE 3083

Projek

Pelajar membuat kajian, mencadangkan projek, dan membina projek tersebut sehingga akhir. Di akhir semester, pelajar membuat perbentangan dan demontrasi projek yang disiapkan.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

SEMESTER 1

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILL	2
MPU 2163/MPU 2143	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2	3
KTW 1112	PENDIDIKAN ISLAM ASAS I	2
MGT 1213	PENGENALAN PERNIAGAAN	3
MGT 1113	PRINSIP PENGURUSAN	3
MTH 1113	MATEMATIK KUANTITATIF	3
CSC 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN & APLIKASI KOMPUTER	3
JUMLAH		**19 JAM**

SEMESTER 2

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL I	2
MPU2	ELEKTIF MPU 2 (KEMAHIRAN INSANIAH)	2
KTW 1122	PENDIDIKAN ISLAM ASAS II	2
ACT 1113	PERAKAUNAN KEWANGAN I	3
MGT 1613	MIKROEKONOMI	3
MGT 1313	MATEMATIK PERNIAGAAN	3
JUMLAH		**15 JAM**

SEMESTER 3

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL II	2
MPU 2312	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA	2
MGT 2623	MAKROEKONOMI	3
ACT 2123	PERAKAUNAN KEWANGAN II	3
MGT 2513	TABIAT ORGANISASI	3
GSC 1…1	KO-KURIKULUM	1
JUMLAH		**14 JAM**

SEMESTER 4

KOD	KURSUS	KREDIT
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL III	2
MPU 4	ELEKTIF MPU 4 (KHIDMAT MASYARAKAT)	2
KTW 2132	PENDIDIKAN ISLAM PENGUKUHAN	2
MTH 2313	STATISTIK PERNIAGAAN	3
MGT 2323	PENGENALAN KEWANGAN	3
MGT 2413	PRINSIP PEMASARAN	3
MGT 2223	KEUSAHAWANAN	3
JUMLAH		**18**

SEMESTER 5

KOD	KURSUS	KREDIT
MGT 3233	ETIKA PERNIAGAAN	3
MGT 3123	PENGURUSAN OPERASI DAN PENGELUARAN	3
LAW 3123	UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN	3
MGT 3523	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	3
MGT 3423	KOMUNIKASI PERNIAGAAN	3
JUMLAH		**15 JAM**

SEMESTER 6

KOD	KURSUS	KREDIT
CSC 3153	E-PERNIAGAAN	3
ACT 3223	PERAKAUNAN PENGURUSAN DAN KAWALAN	3
MGT 3243	PERNIAGAAN ANTARABANGSA	3
MGT 3333	PENGURUSAN PELABURAN	3
ALI 3000	LATIHAN INDUSTRI	0
JUMLAH		**12 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**93 JAM**

RINGKASAN SILIBUS KURSUS DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN

MGT 1213
Pengenalan Perniagaan

Kursus ini dapat memberi gambaran secara khusus berkenaan dengan persekitaran perniagaan, ekonomi dan sistem perniagaan di Malaysia yang berpandukan akta perniagaan. Akta-akta perniagaan di Malaysia yang terlibat ialah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 1965 dan Akta Koperasi.

MGT 1113
Prinsip Pengurusan

Kursus ini menerang dan mendedahkan kepada pelajar tentang pengenalan dan fungsi pengurusan dalam sesebuat organisasi, konsep asas berkaitan pengurusan termasuklah topik seperti kemahiran pengurusan, trend yang mempengaruhi organisasi, struktur organisasi dan pengurusan sumber manusia. Kursus ini menerangkan kepentingan komunikasi kepada pengurus dan elemen-elemen diperlukan untuk pembentangan yang berkesan.

MTH 1113
Matematik Kuantitatif

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep-konsep matematik dan cara penyelesaian yang menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Kefahaman pelajar dapat dinilai melalui kaedah-kaedah matematik yang digunakan.

CSC 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan & Aplikasi Komputer

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada sejarah komputer, sistem komputer, tetingkap dan internet. Pengenalan kepada pakej Microsoft Office iaitu peprosesan perkataan, helaian elektronik, persembahan grafik dan sistem pengurusan pangkalan data.

MGT 1613
Mikroekonomi

Kursus ini memperkenalkan konsep asas ekonomi, masalah-masalah ekonomi, permintaan dan penawaran, keanjalan, gelagat pengguna, firma dan pasaran, proses pengeluaran, kos pengeluaran, pasaran persaingan sempurna, pasaran monopoli, pasaran persaingan bermonopoli dan oligopoli.

MGT 1313
Matematik Perniagaan
Pra-syarat : MTH 1113 Matematik Kuantitatif
Kursus ini membincangkan tentang konsep asas yang didedahkan kepada pelajar, secara praktis dan mengaplikasikan matematik dalam aktiviti seharian dan juga dalam sesuatu perniagaan yang dijalankan. Pelajar perlu memahami konsep asas dalam kursus ini untuk mengaplikasikan dalam kursus lain seperti perakaunan dan juga kewangan. Pelajar juga akan mengaplikasikan konsep faedah dalam matematik perniagaan. Seterusnya, pelajar juga akan dapat membezakan di antara diskaun perdagangan dan diskaun tunai, tokokan dan turunan, pembayaran ansuran dan susut nilai sesuatu barang.

MGT 2623
Makroekonomi
Kursus ini merupakan lanjutan kepada mikroekonomi. Ia merangkumi prinsip asas kepada makroekonomi, pendapatan negara, ekonomi keynesian vs klasikal, pelaburan, analisis kewangan dan inflasi, pengangguran dan perdagangan antarabangsa serta imbangan pembayaran.

MGT 2513
Tabiat Organisasi
Kursus ini membincangkan tentang konsep dan teori dalam tabiat organisasi di mana ia penting untuk memahami gelagat manusia di tempat kerja. Pelajar akan memainkan peranan indivivu dalam sesebuah organisasi, teori personaliti, motivasi. Mereka juga memahami tentang kerja secara berkumpulan dan berpasukan, konflik pengurusan, komunikasi dan kepentingan inovasi. Mereka juga akan mempelajari perhubungan di dalam kumpulan secara berpasukan daripada topik seperti kuasa, pengaruh, politik dan kepimpinan.

MTH 2313
Statistik Perniagaan
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan kepada asas statistik dalam pelbagai bidang. Subjek ini merangkumi penjadualan dan perumusan data, statistik diskriptif, regrasi dan korelasi, kebarangkalian serta teburan kebarangkalian seperti taburan binomial, poisson dan Normal dan pengujian hipotesis.

MGT 2323
Pengenalan Kewangan
Pra-syarat : MGT 1313 Matematik Perniagaan
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan kepada persekitaran kewangan seperti syarikat, pelabur dan pasaran. Ia mengandungi kadar faedah, pulangan dan risiko, nilai mata wang, penilaian dan sekuriti, belanjawan modal: konsep, teknik pengiraan pelaburan awal, aliran tunai operasi dan aliran tunai terminal, kos modal, analisis penyata kewangan struktur modal dan dividen.

MGT 2413
Prinsip Pemasaran
Kursus ini memperkenalkan pelajar berkenaan pemasaran. Definifi pemasaran, konsep-konsep pemasaran, proses pemasaran dan factor yang mempengaruhi strategi pemasaran akan dijelaskan. Pelajar perlu untuk memahami tekanan persekitaran utama yang mempengaruhi pemasaran dan elemen-elemen di dalam pemasaran campuran. Pelajar akan membandingkan gelagat pembelian pengguna akhir dan pelanggan perniagaan. Mereka juga akan mengkaji isu-isu semasa dalam pemasaran dan etika-etika yang berkaitan.

MGT 2223
Keusahawanan
Pra-syarat : MGT 1213 Pengenalan Perniagaan
Kursus ini membincangkan tentang keperluan-keperluan asas yang perlu ada untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Kursus ini akan memberikan penekanan kepentingan mengenal serta membuat analisa peluang perniagaan baru. Pelajar akan melalui latihan untuk menyediakan dokumen perniagaan lengkap serta membuat persembahan secara berkumpulan perancangan perniagaan tersebut.

MGT 3233
Etika Perniagaan
Subjek ini memperkenalkan konsep etika dan perniagaan, etika Islam, prinsip etika dalam perniagaan, sistem perniagaan, perniagaan dan persekitaran, isu dalam etika, perniagaan dan pekerja, etika perniagaan dan profesionalisme daripada pandangan Islam.

MGT 3123
Pengurusan Operasi Dan Pengeluaran
Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peranan dan hubungan pengurus dalam operasi dan organisasi, pembentukan produk dan proses yang terbaik, kualiti dalam pengeluaran dan perkhidmatan, pemilihan lokasi terbaik dan pengurusan inventori.

LAW 3123
Undang-undang Perniagaan
Kursus ini menerangkan tentang aspek-aspek umum yang berkaitan dengan undang-undang termasuklah sumber perundangan, penggubalan dan struktur pentadbiran. Kursus ini menjelaskan tentang undang-undang kontrak iaitu kandungan kontrak, jenis-jenis kontrak, kerelaan bebas, perlaksanaan, pelanggaran dan remidi.

MGT 3523
Pengurusan Sumber Manusia
Pra-syarat : MGT 2513 Tabiat Organisasi
Kursus ini diperkenalkan kepada pelajar mengenai strategi-strategi dalam menguruskan manusia di tempat kerja melalui teori dan praktik pengurusan sumber manusia. Kursus ini menyediakan ringkasan berkenaan kunci utama fungsi-fungsi yang di bawa oleh seorang pengurus dalam pengurusan sumber manusia yang terdapat dalam organisasi. Fungsi seperti pengambilan dan pemilihan, latihan dan pembangunan, pengurusan prestasi dan pampasan dijelaskan. Pada pengakhiran kursus pelajar dapat mendemonstrasi dan menggunakan pengetahuan dalam bidang ini dengan menyediakan laporan berdasarkan topik-topik yang relevan dengan pengurusan sumber manusia di mana-mana organisasi.

MGT 3423
Komunikasi Perniagaan
Kursus ini memberi tumpuan kepada teori, prinsip dan komunikasi yang berkesan dalam suasana perniagaan. Ia menilai bentuk-bentuk komunikasi antara individu, kumpulan dan organisasi. Ia juga melihat bagaimana komunikasi lisan dan bukan lisan digunakan secara berkesan oleh individu, kumpulan dan organisasi dalam mencapai matlamat dan objektif mereka.

CSC3153
E-Perniagaan
Kursus ini mengandungi pengenalan kepada perniagaan elektronik, strategi perniagaan, jenis-jenis perniagaan, penggunaan internet dalam perniagaan elektronik, membina laman web, elemen dalam perdagangan dan perniagaan elektronik.

MGT3243
Perniagaan Antarabangsa
Memperkenalkan konsep-konsep dan masalah operasi dalam penyertaan perniagaan antarabangsa. Pembelajaran meliputi kajian tentang pengurusan, pemasaran, kewangan, perakaunan, undang-undang, persekitaran ekonomi dan budaya di pasaran luar negeri untuk menjalankan perniagaan dunia.

MGT 3333
Pengurusan Pelaburan
Kursus ini memperkenalkan konsep asas dalam pelaburan, perancangan dan kekangan pelaburan, risiko pelaburan, pasaran sekuriti, alternatif pelaburan, ciri-ciri dan penilaian bon, saham biasa, saham keutamaan, waran (TSR), dividen saham, *'stock rights'* dan *'stock split'*, analisis saham biasa melalui analisis asas dan teknikal dan akhirnya mekanisma perdagangan di Malaysia.

ACT 1113
Perakaunan Kewangan I
Kursus ini merupakan asas dalam kursus Perakaunan Kewangan. Pelajar akan didedahkan dengan aspek-aspek utama dalam penyediaan penyata kewangan perniagaan tunggal. Ini merangkumi perekodan urusniaga kewangan dengan menggunakan sistem catatan bergu. Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip-prinsip perakaunan, teknik-teknik perakaunan serta rekod-rekod dalam penyediaan penyata kewangan.

ACT 2123
Perakaunan Kewangan II
Pra-syarat : ACT 1113 Perakaunan Kewangan 1
Kursus ini mendedahkan kepada pelajar kaedah perakaunan bagi susutnilai, catatan tunggal dan rekod tak lengkap, organisasi bukan perniagaan, perakauan perkilangan, penyata aliran tunai, interpritasi dan analisa penyata perakaunan. Kesalahan tidak memberi dan memberi kesan kepada imbangan duga.

ACT 3223

Perakaunan Pengurusan Dan Kawalan

Pra-syarat : ACT 2123 Perakaunan Kewangan II

Kursus ini adalah lebih menekankan kepada pemahaman terhadap mengurus dan mengawal kewangan syarikat untuk tujuan perancangan masa depan. Oleh itu, topik-topik yang berkaitan dengan kos seperti jenis-jenis kos, konsep dan gelagat kos dan kos-kos relevan dan tak relevan akan dibincangkan. Analisis untuk varians, TPM, pengekosan produk, penetapan harga, perancangan keuntungan, belanjawan dan prestasi produk juga akan dibincang.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PERAKAUNAN

SEMESTER 1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ACT 1113	PERAKAUNAN KEWANGAN 1	3
MGT 1313	MATEMATIK PERNIAGAAN	3
CSC 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN & APLIKASI KOMPUTER	3
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILLS	2
MPU 2163 / MPU 2143	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2	3
MPU 22X2	ELEKTIF MPU 2	2
PST 1011	PESAT 1	1
	JUMLAH	**17 JAM**

SEMESTER 2/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ACT 2123	PERAKAUNAN KEWANGAN 2	3
MGT 1113	PRINSIP PENGURUSAN	3
MGT 1613	MIKROEKONOMI	3
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS 1	2
MPU 2312	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA	2
PST 1021	PESAT 2	1
GSC 1XX1	KOKURIKULUM 1	1
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER SP1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
MTH 2313	STATISTIK PERNIAGAAN	3
MGT 2222	ASAS KEUSAHAWANAN	2
PST 2031	PESAT 3	1
	JUMLAH	**6 JAM**

SEMESTER 3/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ACT 2133	PERAKAUNAN KEWANGAN 3	3
ACT 2123	PERAKAUNAN KOS	3

MGT 1223	MAKROEKONOMI	3
ELS 2132	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL 2	2
MPU24X2	ELEKTIF MPU 4	2
PST 2041	PESAT 4	1
GSC 2XX1	KOKURIKULUM 2	1
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER 4/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ACT 2143	PERAKAUNAN KEWANGAN 4	3
ACT 3223	PERAKAUNAN PENGURUSAN	3
ACT 2213	PENGANTAR PERCUKAIAN	3
LAW 2113	UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN	3
MGT 2323	PENGENALAN KEWANGAN	3
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILL 3	2
PST 3051	PESAT 5	1
	JUMLAH	**18 JAM**

SEMESTER SP2/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
INT 2014	INDUSTRIAL ATTACHMENT/ SEMINAR IN ACCOUNTING	4
	JUMLAH	**4 JAM**

SEMESTER 5/TAHUN 3		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ACT 3163	AUDIT	3
ACT 3223	PERCUKAIAN MALAYSIA	3
ACT 3173	PERAKAUNAN KEWANGAN 5	3
ACT 3153	SISTEM MAKLUMAT PERAKAUNAN	3
LAW 3923	UNDANG-UNDANG SYARIKAT & PERKONGSIAN	3
MGT 3342	PENGENALAN KEWANGAN ISLAM	2
PST 3061	PESAT 6	1
	JUMLAH	**18 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**93 JAM**

RINGKASAN SILIBUS KURSUS DIPLOMA PERAKAUNAN

ACT 1113
Perakaunan Kewangan 1

Kursus ini direka bagi memperkenalkan kepada para pelajar tentang konsep asas perakaunan dan aspek penyediaan penyata kewangan. Pada akhir kursus ini, para pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasikani pengetahuan mereka bagi menyediakan laporan penuh bagi sesebuah perniagaan.

MGT 1313
Matematik Perniagaan

Kursus ini membincangkan tentang konsep asas yang didedahkan kepada pelajar, secara praktis dan mengaplikasikan matematik dalam aktiviti seharian dan juga dalam sesuatu perniagaan yang dijalankan. Pelajar perlu memahami konsep asas dalam kursus ini untuk mengaplikasikan dalam kursus lain seperti perakaunan dan juga kewangan. Pelajar juga akan mengaplikasikan konsep faedah dalam matematik perniagaan. Seterusnya, pelajar juga akan dapat membezakan diantara diskaun perdagangan dan diskaun tunai, tokokan dan turunan, pembayaran ansuran dan susut nilai sesuatu barang.

CSC 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan & Aplikasi Komputer

Kursus ini merupakan pengenalan kepada komputer dan teknologi maklumat. Ia memperkenalkan pelajar dengan Internet, *World Wide Web*, komponen-komponen dalam unit sistem, perisian sistem, perisian aplikasi dan program utiliti. Ia juga melengkapkan pelajar dengan skil penggunaan perisian seperti pemprosesan perkataan (*word processing), helaian elektronik (electronic spreadsheet),* pelayan web *(web browser),* pembentangan grafik (*graphic presentation)* dan pengurusan projek *(project management)*.

ACT 2123
Perakaunan Kewangan 2

Pra-syarat : ACT 1113 Perakaunan Kewangan 1

Kursus ini memperkenalkan kaedah susut nilai dan pengiraan kemerosotan nilai, pembetulan kesilapan, pengenalan kepada laporan kewangan dalam pelbagai organisasi perniagaan dan peruntukan kawalan dalaman, akaun perkilangan, penyata kewangan perkongsian, penilaian semula dan realisasi aset, analisa kewangan, akaun jabatan dan cawangan serta penerangan tentang audit dalaman.

MGT 1113
Prinsip Pengurusan
Kursus ini menerangkan tentang pengenalan dan mendedahkan kepada pelajar tentang fungsi pengurusan dalam sesebuah organisasi. Kursus ini memperkenalkan pelajar tentang konsep asas berkaitan dengan pengurusan dan termasuk topik seperti kemahiran pengurusan, trend yang mempengaruhi organisasi, struktur organisasi dan pengurusan sumber manusia. Kursus ini menerangkan kepentingan komunikasi kepada pengurus dan elemen-elemen diperlukan untuk pembentangan yang berkesan.

MGT 1613
Mikroekonomi
Kursus ini memperkenalkan konsep asas Ekonomi, masalah-masalah Ekonomi, permintaan dan penawaran, keanjalan, gelagat pengguna, firma dan pasaran, proses pengeluaran, kos pengeluaran, Pasaran Persaingan Sempurna, pasaran Monopoli, Pasaran Persaingan Bermonopoli dan Oligopoli.

MTH 2313
Statistik Perniagaan
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan kepada asas statistik dalam pelbagai bidang. Subjek ini merangkumi penjadualan dan perumusan data, statistik diskriptif, regrasi dan korelasi , kebarangkalian serta taburan kebarangkalian seperti taburan binomial, Poisson dan Normal dan pengujian hipotesis, analisis varians dan nombor indeks.

MGT 2222
Asas Keusahawanan
Kursus ini membincangkan tentang keperluan-keperluan asas yang perlu ada untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Kursus ini akan memberikan penekanan kepentingan mengenal serta membuat analisa peluang perniagaan baru. Pelajar akan melalui latihan untuk menyediakan dokumen perniagaan lengkap serta membuat persembahan secara berkumpulan perancangan perniagaan tersebut.

ACT 2133
Perakaunan Kewangan 3
Pra-syarat : ACT 2123 Perakaunan Kewangan 2
Kursus ini adalah merupakan kursus lanjutan kepada kursus Perakaunan Kewangan 2. Dalam kursus ini, para pelajar akan didedahkan dengan lebih

terperinci berkaitan dengan konsep-konsep asas perakaunan dan persembahan maklumat perakaunan di dalam penyata kewangan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diterima pakai dan diterima umum di negara ini. Beberapa isu berkaitan dengan aset semasa dan asset bukan semasa juga dibincangkan dalam kursus ini.

ACT 2123
Perakaunan Kos
Pra-syarat : ACT 1113 Perakaunan Kewangan 1 dan ACT 2123 Perakaunan Kewangan 2
Kursus ini adalah lebih menekankan kepada pemahaman terhadap membuat pengekosan produk dan cara untuk mengawal serapan *'overhead'*. Kursus ini juga akan membincangkan beberapa cara yang berbeza untuk membuat pengekosan dan pengagihan overhed mengikut kesesuaian industri dan produk yang dihasilkan.

MGT 1223
Makroekonomi
Pra-syarat : MGT 1613 Microeconomic
This course is an extension to the microeconomic. It covers the basic principles of macroeconomics, national income, classical vs. Keynesian economics, investment, financial analysis and inflation, unemployment and international trade and balance of payments.

ACT 2143
Perakaunan Kewangan 4
Pra-syarat : ACT 2133 Perakaunan Kewangan 3
Kursus ini adalah merupakan kursus lanjutan kepada kursus Perakaunan Kewangan 3. Dalam kursus ini, pelajar akan didedahkan dengan lebih terperinci tentang liabiliti, ekuiti, pelaburan dan laporan kewangan.

ACT 3223
Perakaunan Pengurusan
Pra-syarat : ACT 2123 Perakaunan Kos
Kursus ini merupakan kesinambungan dari Perakaunan Kos (PK) di mana para pelajar akan mengaplikasi kemahiran yang mereka pelajari dalam PK untuk menyediakan belanjawan, memahami konsep-konsep asas dalam membuat keputusan serta memahami cara untuk menganalisa maklumat yang relevan dan perakaunan pengurusan.

ACT 2213
Pengantar Percukaian
Pra-syarat : ACT 1313 Perakaunan Kewangan 1 dan ACT2123 Perakaunan Kewangan 2
Kursus ini direka bagi memperkenalkan kepada para pelajar tentang konsep asas percukaian keatas individu dan perniagaan milikan tunggal dan cara untuk mengaplikasikani pengetahuan tersebut dalam menyediakan perancangan dan pengiraan cukai tahunan.

LAW 2113
Undang-Undang Perniagaan
Kursus ini dibina untuk mendedahkan para pelajar kepada undang-undang perniagaan yang terdapat di Malaysia. Asasnya, kursus ini akan memfokuskan kepada pengertian undang-undang, peranan dan fungsinya, serta jenis-jenis undang-undang yang terdapat sebelum Merdeka dan semasa, yang mempunyai kaitan dengan pelajar perakaunan. Ia turut menekankan kepada proses pembuatan undang-undang oleh badan perundangan di Malaysia, prosedurnya, dan peranan Majlis Raja-raja Melayu, sebelum sesuatu undang-undang itu boleh dilaksanakan. Bahagian kedua kursus ini akan memberi tumpuan kepada undang-undang kontrak, elemen kontrak, terma kontrak, jenis kontrak dan sebagainya. Selain itu, pelajar turut diperkenalkan dengan undang-undang perniagaan yang lain seperti undang-undang bagi insurans, jualan barangan dan sewa beli.

MGT 2323
Pengenalan Kewangan
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan kepada persekitaran kewangan seperti syarikat, pelabur dan pasaran. Ia mengandungi kadar faedah, pulangan dan risiko, nilai masa wang, penilaian dan sekuriti, belanjawan modal: konsep, teknik pengiraan pelaburan awal, aliran tunai operasi dan aliran tunai terminal, kos modal, analisis penyata kewangan struktur modal dan dividen.

ACT 3163 Audit
Pra-syarat : ACT 2133 Perakaunan Kewangan 3 dan INT 2014 Latihan Industri
Kursus ini direka bagi memperkenalkan kepada para pelajar tentang prosedur dan aplikasi pengauditan dalam organisasi. Pada akhir kursus ini, para pelajar seharusnya berupaya untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam proses pengauditan di dalam organisasi yang bakal mereka ceburi.
ACT 3223

Percukaian Malaysia

Pra-syarat : ACT2213 Pengantar Percukaian

Kursus ini direka bagi memperkenalkan kepada para pelajar tentang konsep percukaian dan galakan yang diberikan keatas syarikat dan institusi yang menjalankan perniagaan. Pelajar juga akan didedahkan kepada cara merancang, mengira dan jenis cukai yang boleh dikenakan keatas sesebuah syarikat dan institusi.

ACT 3173

Perakaunan Kewangan 5

Pra-syarat ACT 2133 Perakaunan Kewangan 3 dan ACT 2143 Perakaunan Kewangan 4

Kursus ini merupakan lanjutan kepada Perakaunan Kewangan 1 dan 2. Kursus ini lebih menekankan mengenai penggabungan dan pengambilalihan syarikat. Pelajar akan di dedahkan kepada cara menganalisa dan mengukur prestasi syarikat dan seterusnya menyediakan Penyata Kewangan Syarikat (Consolidated Accounts).

ACT 3153

Sistem Maklumat Perakaunan

Pra-syarat : ACT 2133 Perakaunan Kewangan 3 dan INT 2014 Latihan Industri

Kursus ini direka untuk memperkenalkan kepada pelajar mengenai persekitaran di dalam sistem maklumat perakaunan. Pelajar akan diajar mengenai halangan dan kawalan, sistem yang sesuai, penipiuan komputer dan pembangunan sistem dalam AIS. Kursus ini memfokuskan kepada dua kitaran, iaitu kitaran pendapatan dan perbelanjaan sepertimana perlaksanaan AIS. Selain itu pelajar juga didedahkan kepada perisian perakaunan.

LAW 3923

Undang-Undang Syarikat & Perkongsian

Pra-syarat : LAW 2113 Undang-Undang Perniagaan

Kursus ini dibina untuk mendedahkan para pelajar kepada jenis-jenis perniagaan yang boleh ditubuhkan di Malaysia, khususnya, bentuk syarikat dan perkongsian. Bahagian pertama kursus ini memfokuskan kepada perkongsian dari aspek penubuhan perkongsian, hubungan antara rakan kongsi, hak dan tanggungjawab rakan kongsi, liabiliti perkongsian serta pembubaran perkongsian. Bahagian kedua memfokuskan kepada syarikat,seperti status, hak dan pengurusan syarikat serta tanggungjawab pengarah,setiausaha dan juruaudit dalam syarikat.

MGT 3342

Pengenalan Kewangan Islam

Pra-syarat : MGT 1613 Mikroekonomi (),MGT 1223 Makroekonomi dan MGT 2323 Pengenalan Kewangan

Kursus ini membincangkan tentang sistem kewangan Islam yang sememangnya bercanggah dengan sistem konvensional, baik dari aspek fungsi, prinsip, mahupun instrumen yang dikemukakan. Persoalan riba' yang menjadi barah dalam sistem ekonomi dunia semasa turut dibincangkan secara serius, termasuk dari sudut hukum dan kesannya. Selain itu, pelajar didedahkan dengan instrumen-instrumen kewangan Islam dan peranan institusi-institusi kewangan Islam yang berkaitan.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH

SEMESTER 1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 1123	ULUM AL-QURAN	3
AQS 1213	AL-HADITH	3
ARB 1112	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH I	2
PST 1011	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT I)	1
MPU 2163 / MPU 2143	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2	3
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILLS	2
CSC 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN DAN APLIKASI KOMPUTER	3
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM I	1
	JUMLAH	**18 JAM**

SEMESTER 2/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 1233	ULUM AL-HADITH I	3
AQS 1263	HADITH AHKAM	3
AQS 1111	TARTIL AL-QURAN WA HIFZUH	1
ARB 1122	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH II	2
PST 1021	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT II)	1
MPU 22X2	ELEKTIF MPU 2	2
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS I	2
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM II	1
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER SP1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 1143	ULUM AL-QURAN II	3
PST 2031	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT III)	1
MGT 2222	KEUSAHAWANAN ISLAM	2
	JUMLAH	**6 JAM**

SEMESTER 3/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 2153	AL-TAFSIR	3
AQS 2243	ULUM AL-HADITH II	3
ASY 2213	USUL AL-FIQH	3
ARB 2132	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH III	2
PST 2041	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT IV)	1
MPU 2312	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA	2
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS II	2
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER 4/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 2163	TAFSIR AYAT AL-AHKAM	3
AQS 2173	MANAHIJ AL-MUFASSIRIN	3
API 2143	USUL DA'WAH	3
ARB 2142	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH IV	2
PST 3051	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT V)	1
MPU24X2	ELEKTIF MPU 4	2
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS III	2
XXX XXX3	ELEKTIF	3
	JUMLAH	**19 JAM**

SEMESTER SP2/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
INT 2014	LATIHAN INDUSTRI	4
	JUMLAH	**4 JAM**

SEMESTER 5/TAHUN 3		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 3273	MANAHIJ AL-MUHADDITHIN	3
AQS 3253	TAKHRIJ AL-HADITH	3
ASY 1313	FIQH AL-ISLAMI	3
API 1123	AL-SIRAH AL-NABAWIYAH	3

API 1113	AL-AQIDAH WA AL-AKHLAK AL-ISLAMIYAH	3
PST3061	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT VI)	1
	JUMLAH	**16 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**94 JAM**

KURSUS ELEKTIF
API 2133 Masodir Al Dirasat Al Islamiyah
ASY2123 Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami
MGT 2133 Pentadbiran Dan Pengurusan Islam

RINGKASAN SILIBUS KURSUS DIPLOMA PENGAJIAN AL-QURAN & AS-SUNNAH

AQS 1123
Ulum Al-Quran
Matapelajaran ini membincangkan perkara-perkara mengenai Ulum al-Quran iaitu definisi Ulum al-Quran, sejarah pertumbuhan dan perkembangan serta karya-karya terawal, wahyu kepada malaikat dan para rasul, peringkat-peringkat penurunan al-Quran, ayat pertama dan terakhir diturunkan, sejarah pengumpulan dan penulisan al-Quran, penyusunan ayat-ayat dan surah-surah, *asbab al-nuzul*, *munasabat*, *makki* dan *madani*, serta sejarah perkembangan tafsir al-Quran daripada tahun pertama hingga tahun keempat hijrah.

AQS 1213
Al-Hadith
Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar beberapa matan hadis nabi berhubung pelbagai topik dengan berpandukan karya-karya *syarah* hadis yang muktabar. Aspek yang diberi penekanan ialah *tarjamah al-rawi*, *ma'ani al-mufradat*, *sabab wurud al-hadith*, huraian hadis dan pengajaran yang boleh diambil daripada hadis. Topik-topik perbahasan ialah *Kitab al-Iman, Kitab al-Adab Wa al-Akhlak, Kitab al-Ilm, Kitab al-Zikr wa al-Du'a', Kitab al-Taubah wa al-Istighfar, Kitab al-Libaas, Kitab al-At'imah wa al-Asyribah, Kitab I'tisam bi al-Kitab Wa al-Sunnah.*

ARB 1112
Al-Lughah Al-Arabiah I
Kursus ini memperkenalkan konsep asas pengenalan kaedah penggunaan bahasa Arab dari segi pembacaan penulisan sehingga kepada pembinaan ayat dan tahu penggunaan nahu dan saraf.

CSC 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan & Aplikasi Komputer
Kursus ini merupakan pengenalan kepada komputer dan teknologi maklumat. Ia memperkenalkan pelajar dengan Internet, *World Wide Web*, komponen-komponen dalam unit sistem, perisian sistem, perisian aplikasi dan program utiliti. Ia juga melengkapkan pelajar dengan skil penggunaan perisian seperti pemprosesan perkataan (*word processing), helaian elektronik (electronic spreadsheet),* pelayan web *(web browser),* pembentangan grafik (*graphic presentation)* dan pengurusan projek *(project management)*.

AQS 1233
Ulum Al-Hadith I
Kursus ini membincangkan berkenaan dengan pengajian Ulum al-Hadith merangkumi istilah-istilah utama pengajian hadis, pembahagian hadis-hadis berdasarkan bilangan *turuq* dan penerimaan serta penolakannya serta bahagian-bahagian yang lain.

AQS 1263
Hadith Ahkam
Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar beberapa matan hadis nabawi mengenai topik yag pelbagai antaranya hal permasalahan semasa dan hukum hakam ibadah berpandukan karya-karya *syarah*. Aspek yang diberi penekanan adalah *tarjamah al-rawi, ma'ani al-mufradat, al-ahkam* yang berkaitan dengan hadis, dan pengajaran yang boleh diambil dari hadis.
Topik-topik perbahasan ialah *Kitab Al-Taharah, Kitab al-Solah, Kitab al-Zakah, Kitab al-Saum, Kitab al-Hajj* dan *Umrah, Kitab al-Nikah, Kitab al-Jinayat* dan *Kitab al-Jihad*.

AQS 1111
Tartil Al-Quran Wa Hifzuh
Kursus ini menitikberatkan hafazan al-Quran dari Surah Luqman dan Surah al-Sajadah dengan mengikut kaedah hafazan yang betul serta mempelajari ilmu

tajwid iaitu Makhraj Huruf hukum nun mati dan tanwin, mad serta wakaf dan ibda'.

ARB 1122

Al-Lughah Al-Arabiyah II

Pra-syarat : Al-Lughah Al-Arabiah 1

Kursus ini banyak memberi maklumat berkaitan dengan teknik pembentukan ayat daripada kata nama dan kata kerja, kata sifat dan lain-lain disamping menolong pelajar memahami pelajaran yang ditulis di dalam bahasa Arab khususnya melalui pendedahan atau merujuk kitab-kitab Arab.

AQS 1143

Ulum Al-Quran II

Pra-syarat : AQS1133 Ulum Al-Quran I

Kursus ini berkisar tentang topik-topik khas pengajian al-Quran iaitu *al-nasikh dan mansukh, amthal al-Quran, aqsam al-Quran, jadal al-Quran, Qasas* dan *I'jaz al-Quran.*

MGT 2222

Keusahawanan Islam

Kursus ini membincangkan tentang keperluan-keperluan asas yang perlu ada untuk terlibat dalam bidang keusahawanan Islam. Kursus ini akan memberikan penekanan kepentingan mengenal serta membuat analisa peluang perniagaan baru. Pelajar akan melalui latihan untuk menyediakan dokumen perniagaan lengkap serta membuat persembahan secara berkumpulan perancangan perniagaan tersebut.

AQS 2153

Al-Tafsir

Perbincangan mengenai tafsiran Surah Yasin, bermula daripada ayat 1 hingga 83. Tafsiran menyentuh beberapa aspek iaitu sebab penamaan surah dan kelebihan, analisis ayat dari aspek bahasa, balaghah dan *I`rab*nya, *Asbab al-Nuzul*, *Munasaba*t antara ayat-ayat, hukum syariat dan aspek pengajaran yang dapat diambil daripada ayat. Di samping itu, perbincangan turut menyentuh hukum-hukum tajwid bagi membantu kelancaran bacaan dan hafalan surah ini.

AQS 2243

Ulum Al-Hadith II

Pra-syarat : AQS2233

Matapelajaran ini membincangkan pengajian Ulum Hadith dari pelbagai sudut, antaranya hadith maudhu', takrif dan martabatnya, pemalsu-pemalsu hadith dan faktor-faktor memalsukan hadith, juga kategori hadis yang ditolak secara terperinci.

ASY 2213
Usul Al-Fiqh
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan *Usul al-Fiqh* iaitu definisi fiqh dan usul fiqh, perbezaan usul fiqh dan fiqh, sejarah perkembangan Usul Al-Fiqh , pembahagian hukum-hukum syariah kepada hukum-hukum *taklif* dan *wad`i*, dalil-dalil yang disepakati: al-Quran dan al-Sunnah, *ijmak* dan *qias*. Ia juga membincangkan dalil-dalil yang tidak disepakati di kalangan ulamak iaitu *al-istihsan, al-masolih al-mursalah, al-istishab, al-`urf,* pendapat sahabat, *saddu al-zara`i,* dan *amal ahlu al-Madinah*.

ARB 2132
Al-Lughah Al-Arabiyah III
Kursus ini memperkenalkan konsep asas pengenalan kaedah penggunaan bahasa Arab dari segi pembacaan penulisan sehingga kepada pembinaan ayat dan tahu penggunaan nahu dan saraf.

AQS 2163
Tafsir Ayat Al-Ahkam
Kursus ini berkenaan tafsir beberapa ayat hukum pilihan yang mengandungi hukum syara' meliputi aspek akidah, pendidikan dan sahsiah, keluarga, kemasyarakatan, kesihatan, pembangunan dan ekonomi, serta siasah/kepimpinan. Skop kajian ayat ialah a*sbab al-nuzul, munasabah al-ayat, syarh al-ayat* secara *ijmali* dan *tafsili, m*aksud ungkapan ayat, i*stinbat* hukum, dan *taujihat.* Setiap ayat yang dikaji dikaitkan dengan nas lain yang berkaitan dan realiti masyarakat masa kini.

AQS 2173
Manahij Al-Mufassirin
Pelajaran ini mengandungi pengetahuan tentang pengertian tafsir dan ta'wil serta perbezaan di antara kedua-duanya, sejarah perkembangan ilmu tafsir pada zaman nabi Muhammad (s.a.w) dan sahabatnya, zaman tabi'in dan zaman *tadwin* di samping menganalisis metodologi pentafsiran beberapa karya tafsir yang terplih.

API2133
Usul Da'wah
Kursus ini membincangkan tentang definisi dakwah, hukum dan sejarah dakwah. Ia turut menfokuskan kepada asas-asas, metodologi dan pendekatan dakwah masa kini.

ARB 2142
Al-Lughah Al-Arabiyah IV
Kursus ini dapat memberi maklumat kepada pelajar berkaitan dengan teknik pembentukan ayat dengan menggunakan kata nama dan kata kerja, kata sifat atau sebagainya dan juga penggunaan nahu dan saraf.
Di samping menolong pelajar berkomunikasi, mengarang , ceramah serta berdialog dalam bahasa Arab dengan baik dan mampu merujuk dan memahami kitab-kitab Thuras Islamih yang kebanyakannya ditulis di dalam bahasa Arab.

AQS 3273
Manahij Al-Muhaddithin
Pelajaran ini mengandungi pengetahuan tentang pengertian tafsir dan ta'wil serta perbezaan di antara kedua-duanya, sejarah perkembangan ilmu tafsir pada zaman nabi Muhammad (s.a.w) dan sahabatnya, zaman tabi'in dan zaman *tadwin* di samping menganalisis metodologi pentafsiran beberapa karya tafsir yang terplih.

AQS 3253
Takhrij Al-Hadith
Pelajaran ini mengandungi pengenalan tentang ilmu *takhrij*, merangkumi definisi, perkembangan, kepentingan dan faedah mempelajarinya, perbezaan di antara *al-takhrij* dan *al-'Azwu* seterusnya cara-cara yang digunakan dalam mentakhrijkan hadis melalui teori dan praktikal

ASY 1313
Fiqh Al-Islami
Perbincangan mengenai pengertian fiqh Islam, perbezaan antara fiqh dan undang-undang konvensional serta ciri-ciri fiqh Islam. Ia juga memperkenalkan hukum bersuci, najis, solat, puasa, zakat, haji dan umrah, qurban dan aqiqah. Ia juga memperkenalkan kepada pelajar berkaitan konsep muamalat di dalam Islam secara umum merangkumi; hukum jual beli serta perkara yang berkaitan, konsep aqad; al-Syirkah, al-Wakalah, al-Wadiah dan lain-lain.

API 1123
Al-Sirah Al-Nabawiyah
Perbincangan mengenai keadaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dari sudut akidah, politik dan ekonomi. Perbincangan juga meliputi sejarah Rasulullah (s.a.w) dari pelbagai sudut seperti kemasyarakatan, politik, ekonomi dan sebagainya.

API 1113
Al-Aqidah Wa Al-Akhlak Al-Islamiyah
Kursus ini membincangkan pengenalan akidah, rukun iman, tauhid, alam malaikat, jin dan roh. Juga membahaskan tentang kenabian, kiamat, dan qada' qadar. Ia diakhiri dengan menjelaskan tentang perkara yang membatalkan iman.

KURSUS ELEKTIF
API 2133
Masodir Al Dirasat Al Islamiyah
Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar buku-buku warisan ulama silam dalam pelbagai cabang ilmu Islam seperti Tafsir, Hadis, Fiqh, Sejarah, Bahasa dan Adab Arab. Aspek lain yang diberi penekanan ialah sejarah perkembangan dan peranan yang dimainkan oleh maktabah dalam penyebaran ilmu dalam pengajian Islam.

ASY2123
Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami
Kursus ini membincangkan tentang konsep syariat, fiqh dan tasyri' serta tahap-tahap perundangan dalam sejarah pemikiran Islam iaitu bermula pada zaman Rasulullah s.a.w. , zaman para sahabat, zaman para tabi'in, zaman ulama' mujtahidin, zaman taklid dan kebekuan ijtihad serta zaman moden.

MGT 2133
Pentadbiran Dan Pengurusan Islam
Perbincangan mengenai konsep pengurusan dan pentadbiran Islam, pendekatan tauhid, matlamat dan falsafah pengurusan dan pentadbiran, proses pengurusan dan pentadbiran Islam, perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan, elemen-elemen pengurusan seperti syura dan kepimpinan, motivasi, kemahiran berkomunikasi dan latihan dalam pengurusan.

KURIKULUM PROGRAM DIPLOMA SYARIAH

SEMESTER 1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ASY 1323	FIQH AL-IBADAT	3
API 1113	AL-AQIDAH WA AL-AKHLAK AL-ISLAMIYAH	3
ARB 1112	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH I	2
PST 1011	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT I)	1
MPU 2163 / MPU 2143	PENGAJIAN MALAYSIA / BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2	3
ELS 1112	BASIC ENGLISH SKILLS	2
CSC 1113	PENGENALAN KEPADA PERKAKASAN DAN APLIKASI KOMPUTER	3
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM I	1
	JUMLAH	**18 JAM**

SEMESTER 2/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ASY 1333	FIQH AL-MUNAKAHAT	3
AQS 1111	TARTIL AL-QURAN WA HIFZUH	1
API 1123	AL-SIRAH AL-NABAWIYAH	3
ARB 1122	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH II	2
PST 1021	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT II)	1
MPU 22X2	ELEKTIF MPU 2	2
ELS 1212	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS I	2
GSC 1XX1	KO-KURIKULUM II	1
	JUMLAH	**15 JAM**

SEMESTER SP1/TAHUN 1		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
AQS 1123	ULUM AL-QURAN	3
PST 3061	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT III)	1
MGT 2222	KEUSAHAWANAN ISLAM	2
	JUMLAH	**6 JAM**

SEMESTER 3/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ASY 2213	USUL AL-FIQH	3
ASY 2343	FIQH AL-MUAMALAT	3
AQS 2223	ULUM AL-HADITH	3
ARB 2132	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH III	2
PST 2031	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT IV)	1
MPU 2312	ISLAM DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT MALAYSIA	2
ELS 2222	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS II	2
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER 4/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ASY 2123	TARIKH AL-TASYRI' AL-ISLAMI	3
ASY 2353	FIQH AL-JINAYAT	3
AQS 2163	TAFSIR AYAT AL-AHKAM	3
ARB 2142	AL-LUGHAH AL-ARABIYAH IV	2
PST 2041	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT V)	1
MPU24X2	ELEKTIF MPU 4	2
ELS 2232	ENGLISH COMMUNICATIVE SKILLS III	2
	JUMLAH	**16 JAM**

SEMESTER SP2/TAHUN 2		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
INT 2014	LATIHAN INDUSTRI	4
	JUMLAH	**4 JAM**

SEMESTER 5/TAHUN 3		
KOD	**KURSUS**	**KREDIT**
ASY 3223	AL-QAWAID AL-FIQHIYYAH	3
ASY 3363	FIQH AL-MIRATH	3
AQS3263	HADITH AHKAM	3
PST3051	PEMB. SAHSIAH TERPUJI (PESAT VI)	1
LAW 3213	SISTEM PERUNDANGAN DI MALAYSIA	3
XXX XXX3	ELEKTIF	3
	JUMLAH	**16 JAM**
JUMLAH JAM KREDIT		**91 JAM**

KURSUS ELEKTIF

API 2133 MASODIR AL DIRASAT AL ISLAMIYAH

API 2153 FIQH DA'WAH

MGT 2133 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN ISLAM

RINGKASAN SILIBUS KURSUS DIPLOMA SYARIAH

ASY 1323
Fiqh al-Ibadat
Perbincangan mengenai hukum-hukum ibadat yang wajib dan sunat, cara-cara bersuci, solat, puasa, zakat dan amalan-amalan dalam ibadat haji, umrah, korban dan akikah (sembelihan).

API 1113
Al-Aqidah Wa Al-Akhlak Al-Islamiyah
Kursus ini membincangkan pengenalan akidah, rukun iman, tauhid, alam malaikat, jin dan roh. Juga membahaskan tentang kenabian, kiamat, dan qada' qadar. Ia diakhiri dengan menjelaskan tentang perkara yang membatalkan iman.

ARB 1112
Al-Lughah Al-Arabiyah I
Kursus ini memperkenalkan konsep asas pengenalan kaedah penggunaan bahasa Arab dari segi pembacaan penulisan sehingga kepada pembinaan ayat dan tahu penggunaan nahu dan saraf.

CSC 1113
Pengenalan Kepada Perkakasan & Aplikasi Komputer
Kursus ini merupakan pengenalan kepada komputer dan teknologi maklumat. Ia memperkenalkan pelajar dengan Internet, *World Wide Web*, komponen-komponen dalam unit sistem, perisian sistem, perisian aplikasi dan program utiliti. Ia juga melengkapkan pelajar dengan skil penggunaan perisian seperti pemprosesan perkataan (*word processing), helaian elektronik (electronic spreadsheet),* pelayan web *(web browser),* pembentangan grafik (*graphic presentation)* dan pengurusan projek *(project management)*.

ASY 1333
Fiqh Al-Munakahat
Perbincangan mengenai nikah, pra-nikah, rukun-rukun dan syarat-syaratnya, implikasi daripada pernikahan serta perkara-perkara yang berkaitan dengan perceraian

AQS 1111
Tartil Al-Quran Wa Hifzuh
Kursus ini menitikberatkan hafazan al-Quran dari Surah Luqman dan Surah al-Sajadah dengan mengikut kaedah hafazan yang betul serta mempelajari ilmu tajwid iaitu Makhraj Huruf hukum nun mati dan tanwin, mad serta wakaf dan ibda'.

API 1123
Al-Sirah Al-Nabawiyah
Perbincangan mengenai keadaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam dari sudut akidah, politik dan ekonomi. Perbincangan juga meliputi sejarah Rasulullah (s.a.w) dari pelbagai sudut seperti kemasyarakatan, politik, ekonomi dan sebagainya.

ARB 1122
Al-Lughah Al-Arabiyah II
Pra-syarat : ARB 1112 Al-Lughah Al-Arabiyah I
Kursus ini banyak memberi maklumat berkaitan dengan teknik pembentukan ayat daripada kata nama dan kata kerja, kata sifat dan lain-lain disamping menolong pelajar memahami pelajaran yang ditulis di dalam bahasa Arab khususnya melalui pendedahan atau merujuk kitab-kitab Arab.

AQS 1123
Ulum Al-Quran
Matapelajaran ini membincangkan perkara-perkara mengenai Ulum al-Quran iaitu definisi Ulum al-Quran, sejarah pertumbuhan dan perkembangan serta karya-karya terawal, wahyu kepada malaikat dan para rasul, peringkat-peringkat penurunan al-Quran, ayat pertama dan terakhir diturunkan, sejarah pengumpulan dan penulisan al-Quran, penyusunan ayat-ayat dan surah-surah, *asbab al-nuzul*,*munasabat*, *makki* dan *madani*, serta sejarah perkembangan tafsir al-Quran daripada tahun pertama hingga tahun keempat hijrah.

MGT 2222
Keusahawanan Islam
Kursus ini membincangkan tentang keperluan-keperluan asas yang perlu ada untuk terlibat dalam bidang keusahawanan Islam. Kursus ini akan memberikan penekanan kepentingan mengenal serta membuat analisa peluang perniagaan baru. Pelajar akan melalui latihan untuk menyediakan dokumen perniagaan lengkap serta membuat persembahan secara berkumpulan perancangan perniagaan tersebut.

ASY 2213
Usul Al-Fiqh
Kursus ini membincangkan tentang pengenalan *Usul al-Fiqh* iaitu definisi fiqh dan usul fiqh, perbezaan usul fiqh dan fiqh, sejarah perkembangan Usul Al-Fiqh , pembahagian hukum-hukum syariah kepada hukum-hukum *taklif* dan *wad`i*, dalil-dalil yang disepakati: al-Quran dan al-Sunnah, *ijmak* dan *qias*. Ia juga membincangkan dalil-dalil yang tidak disepakati di kalangan ulamak iaitu *al-istihsan, al-masolih al-mursalah, al-istishab, al-`urf,* pendapat sahabat, *saddu al-zara`i,* dan *amal ahlu al-Madinah*.

ASY 2343
Fiqh Al-Muamalat
Perbincangan mengenai asas-asas muamalah Islam seperti konsep hak, kehartaan, pemilikan dan kontrak atau akad ; kontrak-kontrak sivil seperti jual beli, pinjaman *(al-qard)*, sewaan *(al-ijarah)*, syarikat, pemberian *(hibah)*, simpanan *(wadi`ah)*, perwakilan *(wakalah)*, jaminan *(kafalah)*, surat jaminan hutang *(hiwalah)*, gadaian *(rahn)*, penerokaan tanah *(ihya' al-mawat)*, perkongsian pertanian *(muzara`ah)*, barang jumpaan *(luqatah)* dan wakaf.

AQS 2223
Ulum Al-Hadith
Kursus ini membincangkan berkenaan dengan pengajian Ulum al-Hadith merangkumi istilah-istilah utama pengajian hadis, pembahagian hadis-hadis berdasarkan bilangan *turuq* dan penerimaan serta penolakannya serta bahagian-bahagian yang lain.

ARB 2132
Al-Lughah Al-Arabiyah III
Kursus ini memperkenalkan konsep asas pengenalan kaedah penggunaan bahasa Arab dari segi pembacaan penulisan sehingga kepada pembinaan ayat dan tahu penggunaan nahu dan saraf.

ASY 2123
Tarikh Al-Tasyri' Al-Islami
Kursus ini membincangkan tentang konsep syariat, fiqh dan tasyri' serta tahap-tahap perundangan dalam sejarah pemikiran Islam iaitu bermula pada zaman Rasulullah s.a.w. , zaman para sahabat, zaman para tabi'in, zaman ulama' mujtahidin, zaman taklid dan kebekuan ijtihad serta zaman moden.

ASY 2353
Fiqh Al-Jinayat
Perbincangan mengenai konsep jenayah, *jarimah* dan '*uqubah* dalam undang-undang jenayah Islam, pengertian *hudud* dan *ta'zir*, jenis-jenis jenayah yang berkaitan dengan *hudud* dan *ta'zir*, kesalahan *qisas* dan *diat*, membunuh dan jenis-jenisnya, hukuman dan cara mensabitkan kesalahan bagi setiap jenayah .

AQS 2163
Tafsir Ayat Al-Ahkam
Kursus ini berkenaan tafsir beberapa ayat hukum pilihan yang mengandungi hukum syara' meliputi aspek akidah, pendidikan dan sahsiah, keluarga, kemasyarakatan, kesihatan, pembangunan dan ekonomi, serta siasah/kepimpinan. Skop kajian ayat ialah a*sbab al-nuzul, munasabah al-ayat, syarh al-ayat* secara *ijmali* dan *tafsili, m*aksud ungkapan ayat, i*stinbat* hukum, dan *taujihat.* Setiap ayat yang dikaji dikaitkan dengan nas lain yang berkaitan dan realiti masyarakat masa kini.

ARB 2142
Al-Lughah Al-Arabiyah IV
Kursus ini dapat memberi maklumat kepada pelajar berkaitan dengan teknik pembentukan ayat dengan menggunakan kata nama dan kata kerja, kata sifat atau sebagainya dan juga penggunaan nahu dan saraf.
Di samping menolong pelajar berkomunikasi, mengarang, ceramah serta berdialog dalam bahasa Arab dengan baik dan mampu merujuk dan memahami kitab-kitab Thuras Islamih yang kebanyakannya ditulis di dalam bahasa Arab.

ASY 3223
Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah
Kursus ini membincangkan tentang definisi ilmu *al-qawaid al-fiqhiyyah*, perbezaannya dengan *qawaid usuliah,nazariyat fiqhiyyah* dan *dowabit fiqhiyyah*. Ia juga membincangkan sejarah *qawaid fiqhiyyah*, *qawaid fiqhiyyah* yang utama, cabang-cabangnya, dalil, pengecualian dan lain-lain.

ASY 3363
Fiqh Al-Mirath
Kursus ini membincangkan hukum-hakam berkaitan harta pusaka; bermula dengan definisi ilmu fiqh al-mirath, kedudukannya, perbahasannya, dalil pensyariatan serta hikmahnya. Ia juga membincangkan hak-hak yang berkaitan dengan harta si mati, rukun pembahagian harta pusaka, syarat-syarat, hal-hal yang menghalang penerimaan pusaka, golongan yang berhak menerimanya dan cara pembahagiannya: *al-ashabul furudh*, *al-asobah*, *zawil-arham;* orang yang menghalang dan orang yang dihalang daripada menerima pusaka; al-'aul, *al-radd*, dan *al-tashih* serta pengiraannya. Ia juga membincangkan hukum wasiat serta hikmahnya, rukun dan syaratnya, orang yang berhak memberi wasiat dan semua perkara yang berkaitan dengan wasiat.

AQS3263
Hadith Ahkam
Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar beberapa matan hadis nabawi mengenai topik yang pelbagai antaranya hal permasalahan semasa dan hukum hakam ibadah berpandukan karya-karya *syarah*. Aspek yang diberi penekanan adalah *tarjamah al-rawi, ma'ani al-mufradat, al-ahkam* yang berkaitan dengan hadis, dan pengajaran yang boleh diambil dari hadis.
Topik-topik perbahasan ialah *Kitab Al-Taharah*, *Kitab al-Solah*, *Kitab al-Zakah*, *Kitab al-Saum*, *Kitab al-Hajj* dan *Umrah*, *Kitab al-Nikah*, *Kitab al-Jinayat* dan *Kitab al-Jihad*.

LAW 3213
Sistem Perundangan Di Malaysia
Perbincangan mengenai konsep, ciri-ciri umum dalam sistem perundangan Malaysia, kedudukan undang-undang Islam dan undang-undang adat, prinsip *common law*, kaedah-kaedah ekuiti, proses perundangan, pentafsiran statut, sistem mahkamah dan profesyen perundangan di Malaysia. Di samping itu, perbincangan turut mengupas pelaksanaan undang-undang Islam sebelum

merdeka, kesan penjajahan terhadap undang-undang Islam, konsep undang-undang Islam dan perbezaannya dengan undang-undang konvensional, kedudukan Islam dalam perlembagaan dan institusi agama serta peranannya dalam menguatkuasakan undang-undang tersebut di negeri-negeri di Malaysia.

KURSUS ELEKTIF

API 2133
Masodir Al Dirasat Al Islamiyah

Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar buku-buku warisan ulama silam dalam pelbagai cabang ilmu Islam seperti Tafsir, Hadis, Fiqh, Sejarah, Bahasa dan Adab Arab. Aspek lain yang diberi penekanan ialah sejarah perkembangan dan peranan yang dimainkan oleh maktabah dalam penyebaran ilmu dalam pengajian Islam.

API 2153
Fiqh Da'wah

Kursus ini membincangkan tentang definisi dakwah, hukum dan sejarah dakwah. Ia turut menfokuskan kepada asas-asas, metodologi dan pendekatan dakwah masa kini.

MGT 2133
Pentadbiran Dan Pengurusan Islam

Perbincangan mengenai konsep pengurusan dan pentadbiran Islam, pendekatan tauhid, matlamat dan falsafah pengurusan dan pentadbiran, proses pengurusan dan pentadbiran Islam, perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan, elemen-elemen pengurusan seperti syura dan kepimpinan, motivasi, kemahiran berkomunikasi dan latihan dalam pengurusan.